ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA Allah dan malaikat-malaikatnya berselawat memberi segala penghormatan dan kebaikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Ahzab ayat 56

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.35 | DUHA 6.58 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.54 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.44
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 21 | 18 FEBRUARI 2026 / 1447 شعبان 30 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Tarique Rahman.**





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tarique Rahman, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh yang baharu.

# NBD mula berpuasa pada 19 Februari

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mengumumkan bahawa ketetapan 1 Ramadan 1447 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) akan jatuh pada Khamis, 19 Februari 2026 Masihi.

Sehubungan dengan itu, umat Islam di negara ini mula menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir serta bertadarus Al-Quran di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bermula pada esok malam, Rabu, 1 Ramadan 1447H bersamaan 18 Februari 2026M selepas Sembahyang Fardu Isyak.

Hasil merukyah awal bulan Ramadan 1447H petang tadi telah diumumkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

>> Muka 7

# Waktu bekerja sepanjang bulan Ramadan

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang bertugas pada Jumaat, waktu bertugas adalah pada jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Sementara pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam daripada waktu-waktu bekerja biasa, sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara kementerian atau jabatan masing-masing.

# 5 asnaf terima rumah bantuan

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Dalam usaha meringankan beban dan memberikan kehidupan yang lebih selesa khusus bagi golongan asnaf di Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyerahkan rumah bantuan kepada lima orang asnaf.

Antara penerima Projek Bantuan Perumahan bagi Golongan Daif, Fakir dan Miskin (pelaksanaan projek dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan) terdiri daripada Awang Hasnan bin Kalong; Awang Norzaliani bin Latif; Dayang Radiah binti Haji Othman; dan Dayang Ewanawati binti Abdullah.

Manakala Dayang Siti Aminah binti Abdullah antara penerima rumah bantuan melalui projek kerjasama dan bersepadu dengan Pusat Da'wah Islamiah, KHEU.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



JPM adakan Majlis Doa Kesyukuran

Muka 9



DOA Kesyukuran, Solat Hajat sempena Puja Usia DYTM

Muka 11



MENYEMARAKKAN semangat perpaduan, kenegaraan sempena Hari Kebangsaan

Muka 12



RENCANA

MENJALANI Ramadan dengan kesyukuran

Muka 19

# Menyelaraskan pandangan, memperkukuh hala tuju kementerian

**Bismillaahir Rahmaanir Raheem, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Anbiya'e Wal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,**

**ALHAMDULILLAH**, setinggi - tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita diberikan kesempatan untuk berhimpun di Sesi Perjumpaan Muhibah pada pagi ini.

Peramba / Saya mewakili seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, berbesar hati untuk mengalu alukan keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ke Kementerian ini.

Kesudian Ahli-Ahli Yang Berhormat meluangkan masa bersama pihak MTIC, menunjukkan sokongan dan kerjasama yang amat tinggi, khususnya sama-sama menyelaraskan pandangan, menilai kesiapsiagaan semasa, serta memperkukuh iltizam bersama dalam membentuk hala tuju sektor pengangkutan dan infokomunikasi yang lebih berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Dalam pada itu, Peramba / Saya ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas cadangan dan pandangan yang dikemukakan sebelum ini.

Sesungguhnya, segala cadangan dan pandangan tersebut telah dipertimbangkan dengan teliti dan terus membantu Kementerian ini menilai keperluan-keperluan rakyat dan negara, di samping memastikan setiap inisiatif serta usaha Kementerian kekal relevan, berkesan dan tepat pada sasarannya.

Dalam hubungan ini, seperti yang semua maklum, hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi adalah menjurus kepada merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035, terutamanya kepada mencapai matlamat-matlamat utama yang kini juga telah diperincikan melalui tiga pelan tindakan utama iaitu Manpower Blueprint; Social Blueprint dan Economic Blueprint sepertimana yang telah dibentangkan dan dibahaskan semasa Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada tahun lepas (2025).

Seperti mana yang dipersetujui oleh semua dan seperti mana juga disimpulkan oleh Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin sendiri semasa persidangan tahun lepas bahawa, 'Wawasan Brunei 2035 terus menjadi kompas utama pembangunan negara, mencerminkan aspirasi jangka panjang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kemakmuran, kestabilan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara'.

Atas dasar tersebut, Kementerian ini turut memainkan peranan yang menyeluruh, termasuk memberi sokongan kepada pelbagai sektor antara lain seperti pembangunan modal insan, mempertingkatkan ekosistem digital, pembangunan sosial melalui aspek *connectivity* dan *mobility* serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dari segi menjadi pemuda cara dan penyedia perkhidmatan dan kemudahan logistik.

Berkenaan dengan perkara ini, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebelum ini juga telah merangka Pelan Strategik-nya sendiri sebagai panduan mengenai tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan autoriti-autoriti di bawah kawal selia Kementerian ini.

Ini termasuk merangka Pelan Strategik Baharu Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi Tempoh 2026 – 2030 yang juga dikenali sebagai MTIC 2030 yang mana akan turut dilancarkan dan diperkenalkan pada pagi ini.

Sebelum itu, izinkan Peramba / Saya untuk terlebih dahulu mengongsikan perkembangan *initiatives* dan projek-projek utama pada tahun kebelakangan ini.

Dalam menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber, diantara perkara-perkara yang berjaya dilaksanakan adalah Enakmen Perintah Perlindungan Data Peribadi yang mana mula berkuat kuasa pada bulan Januari tahun ini.

Menggubal dan melancarkan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan (AI) Brunei Darussalam.

Waspada.bn iaitu sebuah platform semakan fakta bagi kesahihan berita dan maklumat yang diterima melalui media sosial telah dilancarkan. Pusat Anti Scam (Anti Scam Centre) telah ditubuhkan sebagai satu initiative bersepadu bagi menangani kes penipuan dan jenayah siber.

Beberapa arahan atau directive oleh CIO Forum juga telah dikeluarkan bagi memperkukuhkan lagi sistem Kerajaan yang telah dirancang beberapa tahun ini.



**MENTERI Pengangkutan Dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa berucap pada Sesi Perjumpaan Muhibah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2026 di Dewan Amar Pahlawan Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi Pada 29 Januari 2026**

>> Muka 8

## WAKTU SEMBAHYANG

| FEBRUARI MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18 | RABU | 30 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 19 | KHAMIS | 1 RAMADAN | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 20 | JUMAAT | 2 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 21 | SABTU | 3 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 22 | AHAD | 4 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 23 | ISNIN | 5 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |
| 24 | SELASA | 6 | 5.06 | 5.16 | 6.33 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 31 23 °C | 30 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 30 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 18 FEBRUARI 2026

# Perkembangan seiring peredaran zaman

**PERANAN** akhbar adalah penting dalam menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat. Menerusi tulisan yang dipaparkan dalam akhbar dapat dikatakan bahawa akhbar telah menjadi penyampai mesej pemerintah kepada khalayak dan menjadi medium membarigakan sebarang maklumat.

Akhbar juga telah menjadi alat bagi mengukuhkan semangat muhibah dan perpaduan di samping menyuntik nilai-nilai kenegaraan melalui berita dan informasi yang dibawakan.

Selain itu, segala usaha kerajaan untuk melakukan pembaharuan menerusi dasar-dasar yang dirancang akan lebih mudah sampai ke sasaran melalui peranan yang dimainkan oleh akhbar.

Pelita Brunei merupakan salah satu daripada alat media massa yang penting di negara kita, walaupun Pelita Brunei diterbitkan dalam bahasa Melayu sepenuhnya namun peranannya sama, iaitu untuk membarigakan maklumat kepada orang ramai.

Akhbar rasmi kerajaan Negara Brunei Darussalam, Pelita Brunei terus berkembang sebagai sumber berita utama yang menyediakan maklumat terkini mengenai dasar, aktiviti dan inisiatif negara, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Pelita Brunei memfokuskan kepada pembangunan ekonomi mampan, pendidikan dan kesejahteraan rakyat serta berperanan penting dalam menyampaikan maklumat mengenai usaha mempelbagaikan ekonomi negara dan sebagainya.

Pelita Brunei telah memainkan peranannya untuk merapatkan hubungan di antara kerajaan dan rakyat di negara ini terutama sekali dalam membarigakan hasrat negara untuk meneraju pembangunan, kemajuan, kejayaan serta kesejahteraan negara.

Di samping itu, Pelita Brunei juga menjadi akhbar rasmi yang berpotensi untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kerana isi kandungannya yang sahih dan boleh dipercayai.

Oleh itu, tahun ini, genaplah usia 70 tahun Pelita Brunei di mana ia merupakan satu perjalanan yang cukup jauh dipenuhi dengan pelbagai cabaran, tetapi tetap berupaya memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi sebuah akhbar yang berwibawa dan mempunyai komitmen terhadap integriti, inovasi dan ketelusan dalam membarigakan maklumat kepada masyarakat.

70 tahun melambangkan usia yang matang dalam menelusuri perkembangan zaman yang sentiasa berubah-ubah dan begitu juga dalam evolusi Pelita Brunei yang kini diiringi dengan arus perkembangan sama ada teknologi dan dasar penulisan.

Namun apa yang menjadi teras kekuatan Pelita Brunei adalah di sebalik kakitangannya yang berkerja keras tanpa mengira waktu dan masa untuk menyediakan bahan berilmu, bermaklumat dan berinformasi untuk tatapan dan bacaan setiap pembacanya dengan berlandaskan falsafah negara Melayu Islam dan Beraja. Selamat Ulang Tahun Penubuhan Pelita Brunei Ke-70 Tahun, 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP PETANG SEMPENA HARI PUJA USIA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang. Berangkat mengiringi ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kiri).**

**BOLKIAH GARISON**, Selasa, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman petang tadi berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-52 Tahun anjuran Kementerian Pertahanan.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba DYTM dan Yang Teramat Mulia berserta paduka-paduka adinda di Mes Pegawai Bolkiah Garison, dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Datin; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Datin.

DYTM dan YTM berserta ahli kerabat diraja kemudian dijunjung untuk menyertai sesi bergambar ramai dan seterusnya disembahkenalkan kepada anggota - anggota ABDB yang telah menamatkan penugasan misi luar negara, termasuk Penugasan Misi Pengaman di dalam Malaysian Battalion 850-12 (MALBATT 850-12) bagi misi United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL), serta pasukan The Independent Decommissioning Body Verification Monitoring and Assistance (IDB VMAT) di Republik Filipina; penerima Anugerah Antarabangsa Women In Defence UK Awards 2025 di United Kingdom, pegawai - pegawai yang telah menamatkan kursus di luar negara dan kursus tempatan dengan cemerlang, atlet-atlet ABDB yang telah meraih pingat dalam Sukan Asia Tenggara Ke-33 di Kerajaan Thailand dan Sukan Borneo 2025 di Kuching, Sarawak, Malaysia; penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam sempena Hari Perkhidmatan Awam 2025, dan penerima Projek Belia Cemerlang sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20.

DYTM juga disembahkan dengan tayangan klip video dan sebuah buku khas bertajuk 'Sejambak Ristaan XIX' yang menghimpunkan koleksi gambar-gambar kenangan keberangkatan DYTM ke acara-acara Kementerian Pertahanan sepanjang 2025 hingga Januari 2026.

Majlis disusuli dengan penandatanganan Lembaran Keberangkatan sebelum dijunjung berangkat ke ruang khas bagi Majlis Santap Petang.

Majlis Santap Petang berkenaan turut diserikan dengan Upacara Memotong Kek Puja Usia, dan DYTM juga berkenan menerima pesambah daripada seluruh warga ABDB yang bertemakan 'Wajah Kepimpinan Berwibawa Dalam Warisan Negara'.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM dan YTM berserta ahli-ahli kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB.





**DULI Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek dan seterusnya berkenan menerima pesambah daripada daripada seluruh warga ABDB yang bertemakan 'Wajah Kepimpinan Berwibawa Dalam Warisan Negara' (kiri dan atas).**



**DYTM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta kerabat diraja dijunjung berangkat ke ruang khas bagi Majlis Santap Petang (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**





**DOA Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.**

# PPDB SEMBAHKAN MAJLIS SANTAP PUJA USIA DPMM KE-52 TAHUN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap bersempena Sambutan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang diadakan di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis, Gadong (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berserta kerabat diraja dijunjung bergambar ramai.**

**GADONG**, Isnin, 16 Februari. - Seluruh warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta keluarga dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan Selamat Hari Puja Usia Ke-52 Tahun Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Justeru, PPDB mengadakan Majlis Santap bersempena Sambutan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kali ini yang berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis, Gadong, hari ini.

Berkenan berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta kerabat diraja, di sini dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, CP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin serta Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia DCP Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan isteri.

Sejurus keberangkatan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan, diikuti dengan bergambar ramai bersama pengarah-pengarah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Mes Pegawai PPDB.

Sesudah memasuki Dewan Bankuet, DYTM kemudiannya dijunjung untuk acara memotong Kek Puja Usia sambil diiringi nyanyian puja usia daripada Pasukan Koir terdiri daripada pegawai-pegawai PPDB. Pada majlis tersebut, DYTM juga seterusnya berkenan dijunjung untuk menerima pesambah yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Polis.

DYTM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri serta kerabat diraja kemudiannya dijunjung ke pentas bankuet bagi Majlis Santap.

Hadir sama pada majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Majlis tersebut menzahirkan semangat perpaduan, taat setia dan penghormatan warga PPDB terhadap institusi diraja serta kepimpinan negara dan seluruh warga PPDB berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga akan sentiasa melimpahkan kurnia kesihatan, kesejahteraan dan keberkatan kepada DYTM berserta kerabat diraja.





**DULI Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek dan seterusnya berkenan menerima pesambah (atas sekali dan atas). Sementara gambar kiri, DYTM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta kerabat diraja dijunjung ke pentas bankuet bagi Majlis Santap.**







**PENGISIAN acara diserikan dengan koir daripada PPDB (atas), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

# MAJLIS SANTAP SEMPENA PUJA USIA DPMM






**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap anjuran JPM. Berangkat sama ialah kerabat diraja (atas dan kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pagi ini berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-52 Tahun anjuran JPM, yang berlangsung di Bangunan JPM.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; berserta isteri masing-masing.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain seterusnya dijunjung untuk bergambar ramai sebelum berangkat ke Galeri Pesambah.

Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia dimeriahkan dengan Upacara Memotong Kek dan menerima Kad Sembah Ucapan Kesyukuran Sempena Hari Puja Usia daripada JPM serta Pesambah dari 11 agensi yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, institusi - institusi pendidikan tinggi dan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja yang lain berangkat ke Dewan Bankuet bagi Majlis Santap yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Turut hadir ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; dan Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga hadir ialah Timbalan - timbalan Menteri, Setiausaha - setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap, berserta pasangan masing-masing; jemputan - jemputan khas; serta pegawai-pegawai kanan dari JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-52 tahun, JPM memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar mengurniakan kesihatan, umur panjang dan kesejahteraan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia dan juga kerabat diraja yang lain.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambah (atas). Manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta kerabat diraja dijunjung bergambar ramai.**







**SUASANA pada Majlis Santap yang diadakan di Bangunan JPM (kiri dan kiri sekali).**

# BERKENAN SERTAI KEMPEN KEBERSIHAN PANTAI PROGRAM PEMULIHARAAN PENYU LAUT BRUNEI

**Siaran Akhbar dan Foto : Poni Group Sendirian Berhad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Sebanyak 723 kilogram sisa buangan laut dikumpulkan di Pantai Tanjung Batu baru-baru ini pada pelancaran rasmi Kempen Kebersihan Pantai Program Pemuliharaan Penyu LAUT Brunei.

Berkenan berangkat menyertai kempen tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman. Juga berangkat menyertai, anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Program tersebut menandakan permulaan siri bulanan berstruktur di bawah Program Pemuliharaan Penyu LAUT Brunei 10 Tahun, sebuah inisiatif pemuliharaan kebangsaan berteraskan komuniti yang bertujuan melindungi pantai pendaratan penyu serta membangunkan ekonomi pemuliharaan yang mampan di sekitarnya.

Seramai 60 sukarelawan menyertai aktiviti tersebut, terdiri daripada anggota komuniti setempat serta tenaga pengajar, pelajar dan keluarga dari Miftah Ahn-Nur Islamic International School.

Selain pembersihan pantai, program ini mengintegrasikan empat teras utama iaitu penglibatan dan pendidikan komuniti, pemantauan saintifik serta perlindungan pantai, penubuhan pusat penetasan penyu serta pusat penyelamatan dan rehabilitasi, dan mewujudkan laluan mata pencarian mampan yang berkaitan dengan pemuliharaan.

Kawasan pesisiran Negara Brunei Darussalam diiktiraf sebagai tapak pendaratan penting bagi penyu Olive Ridley di Borneo, menjadikan perlindungan habitat sebagai keutamaan nasional dan serantau.

Sisa buangan laut, pencemaran kawasan pesisiran serta kemusnahan habitat merupakan ancaman utama terhadap keberhasilan pendaratan penyu.

Setelah mengenal pasti Pantai Tanjung Batu sebagai tapak pendaratan mesra penyu, pembersihan pantai bulanan ini dilaksanakan bagi memastikan penyu terus mempunyai kawasan pendaratan yang selamat.

Semua sisa yang dikutip akan dikategorikan dan direkodkan bagi menyumbang kepada pemantauan alam sekitar jangka panjang, sekali gus membantu dalam perumusan dasar, strategi pengurusan pantai dan perancangan pemuliharaan masa hadapan.

LAUT Brunei merupakan singkatan kepada 'Looking After Underwater Treasures of Brunei', sebuah inisiatif pemuliharaan marin di bawah Poni Foundation yang disokong oleh Poni Group. Misinya adalah untuk memelihara hidupan marin, terumbu karang dan kapal karam Brunei demi generasi akan datang melalui sains komuniti, teknologi dan projek kerjasama.

LAUT Brunei menggariskan bahawa Program Penyu bukan sekadar melindungi penyu, malah memperkasa masyarakat. Melalui pembersihan komuniti berkala, inisiatif sains komuniti, sesi jangkauan sekolah dan program latihan belia, inisiatif ini bertujuan meningkatkan literasi lautan serta melahirkan generasi baharu penjaga alam marin. Pelajar dan sukarelawan berpeluang menyertai pemantauan sarang, pengumpulan data, sokongan penandaan (apabila dibenarkan) serta aktiviti pemulihan habitat di bawah bimbingan pasukan pemuliharaan terlatih.



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai Kempen Kebersihan Pantai Program Pemuliharaan Penyu LAUT Brunei. Turut berangkat menyertai, anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.**

Komponen utama program ini ialah pembangunan yang dirancang bagi sebuah Pusat Penetasan Penyu dan Pusat Rehabilitasi Hidupan Marin khusus, yang akan berfungsi sebagai hab penyelidikan, pendidikan awam dan pembangunan kapasiti. Kemudahan ini dirangka sebagai sebahagian daripada kerangka pemuliharaan marin yang lebih luas, menghubungkan sains, teknologi dan penyertaan komuniti, serta menyumbang kepada matlamat jangka panjang biodiversiti dan daya tahan iklim NBD.

Sebagai fokus utama, Program Penyu ini distrukturkan untuk menjana mata pencarian mampan seiring dengan hasil pemuliharaan. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan tempatan dalam bidang seperti pengawasan pantai, operasi pusat penetasan, pemandu ekopelancongan, pengumpulan data dan pemulihan habitat. Dengan mengiktiraf peranan komuniti pesisir sebagai penjaga pantai pendaratan, program ini berusaha menyelaraskan insentif pemuliharaan dengan peluang ekonomi demi memastikan kelestarian jangka panjang.

ASTARI turut menyokong Program Penyu melalui teknologi marin inovatif bagi pemerhatian dan penjejakan hidupan liar, manakala satu lagi projek LAUT Brunei, Project BEACON, iaitu projek pemerhatian pesisir dan lautan, menyokong usaha ini melalui penggunaan dron dan Kecerdasan Buatan untuk mengenal pasti tapak pendaratan berpotensi.

Pembersihan pantai bulanan ini akan menjadi platform utama penglibatan awam dalam Rangkaian Penjagaan Hidupan Marin yang lebih luas, menggalakkan keluarga, sekolah, kumpulan korporat dan penduduk tempatan untuk memainkan peranan aktif dalam melindungi warisan semula jadi NBD.

Kempen Kebersihan Pantai Program Penyu seterusnya akan diadakan pada 14 Mac 2026. Orang ramai adalah digalakkan untuk mengikuti *@LAUTBrunei* di Instagram dan Facebook bagi mendapatkan maklumat terkini serta berpeluang menjadi sukarelawan.

# 5 asnaf terima rumah bantuan



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua MUIB hadir menyempurnakan Majlis Penyerahan Sijil Kesiapan Rumah dan Plak Rumah kepada salah seorang penerima (atas). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa sesi bergambar ramai setelah mengadakan lawatan pada salah sebuah rumah tersebut.**



>> Muka 1

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Sijil Kesiapan Rumah dan Plak Rumah disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Yang Dipertua MUIB kepada lima orang penerima yang diadakan di Ruang Legar, Bangunan Tambahan, KHEU petang tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Naib Yang Dipertua MUIB; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim, seterusnya mengadakan lawatan secara serentak ke lima-lima buah rumah tersebut yang masing-masing terletak di Kampung Mulaut, Kampung Tanah Jambu, Kampung Jaya Setia, Kampung Serasa dan Kampung Sungai Hanching.

Kos perbelanjaan bagi membina lima buah rumah tersebut adalah sebanyak BND451,962.90 diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam.

Majlis penyerahan rumah bantuan kepada keluarga yang kurang berkemampuan tersebut bertujuan bagi mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini khususnya di kalangan asnaf fakir, miskin dan mualaf.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

Penyerahan rumah bantuan ini mencerminkan keprihatinan dan tanggungjawab bersama dalam memastikan kebajikan golongan asnaf fakir, miskin dan mualaf sentiasa terpelihara.

Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat, bahkan menjadi simbol sokongan berterusan kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup mereka agar dapat menjalani kehidupan yang lebih stabil.

Melalui usaha ini, diharapkan para penerima bukan sahaja memperoleh manfaat dari segi fizikal malah turut beroleh kekuatan semangat untuk membina kehidupan yang lebih baik, berdikari dan terus istiqamah dalam menghayati ajaran Islam.

# NBD MULA BERPUASA PADA 19 FEBRUARI

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

>> Muka 1

Persidangan mengenai hasil merukyah anak bulan Ramadan 1447H pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan dan ketetapan persidangan berkenaan telah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang diadakan di Bilik As'syura, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga dihadiri oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan MUIB.

Pada tahun ini, lima lokasi telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Ramadan, iaitu Daerah Brunei dan Muara bertempat di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuh raya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; dan Bukit Agok, Jerudong. Manakala, bagi Daerah Tutong bertempat di Bangunan Hilal Bukit Ambog; dan bagi Daerah Belait ialah di Bangunan Hilal Bukit Lumut.

Terdahulu, acara keagamaan bagi menunggu hasil merukyah awal bulan Ramadan 1447H diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Mohammad Arsyad Shaliheen bin Haji Mohamad Aslenan, johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Berlagu Antara Sekolah-sekolah Ugama Peringkat Akhir Senegara Tahun 2025.

Acara diteruskan dengan tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang.

Seterusnya, bacaan tahlil dan Doa Arwah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Kampung Sungai Hanching, Pengiran Ahmad Fathurrahman Nur Firdaus bin Pengiran Haji Hassanuddin; dan yang seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Manakala Azan Maghrib dikumandangkan oleh Bilal Tingkat II, Masjid Kampung Beribi, Awang Muhd. Fakhri bin Haji Awang Damit.






YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hadir di acara keagamaan bagi menunggu hasil merukyah awal bulan Ramadan 1447 Hijrah dan persidangan mengenai hasil merukyah anak bulan Ramadan 1447H. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (bawah dan atas).



SEKITAR Cerapan Hilal Ramadan 1447H/2026M di salah satu lokasi yang telah ditetapkan (kanan dan bawah).





# Menyelaraskan pandangan, memperkukuh hala tuju kementerian

>> Muka 2

Majlis kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) telah memasang lima unit Speed Monitoring Devices bagi meningkatkan kesedaran mengenai pematuhan kelajuan selamat. Buku Tindakan Keselamatan 2030 atau Road Safety Action 2030 telah dilancarkan. Pelan Tindakan tersebut merupakan inisiatif berterusan MKKJR dengan menekankan fokus yang lebih *action-oriented* dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya di negara ini.

Seterusnya dalam meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi, initiatif berikut telah dilaksanakan.

Pelancaran Brunei Identiti Digital, yang dikenali sebagai BruneiID. Ia merupakan platform identiti digital negara yang membolehkan pengesahan identiti selamat dan akses kepada perkhidmatan kerajaan dalam talian menggunakan ID digital keluaran kerajaan.

Pelancaran Ikhlas iaitu platform maklum balas dalam talian untuk penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Maritime Single Window telah dilancarkan bagi membolehkan penyerahan digital dan pemprosesan dokumentasi pelepasan pelabuhan, menyokong pembuatan keputusan yang lebih pantas dan operasi pelabuhan yang lebih lancar.

Memperkenalkan Sistem Parking Pengecaman Plat Nombor Automatik (ANPR) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Hab Perkhidmatan Pelanggan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei juga telah dilancarkan sebagai pusat sehenti bersepadu.

Aplikasi mudah alih iFlyBrunei telah dikemaskini dan dilancarkan dengan ciri baharu. Perlaksanaan Fasa Satu projek DriveBN iaitu bagi migrasi Sistem Pengangkutan Darat. DriveBN adalah merupakan projek ke arah penambahbaikan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Darat kepada orang ramai.

FormBN dilancarkan iaitu platform dalam talian bagi membolehkan agensi Kerajaan beralih kepada borang kertas kepada borang digital.

Mengenai dengan Pemudah cara bagi mendukung peningkatan hasil, kemajuan ekonomi dan pembangunan negara yang mampan di antara pencapaian adalah dalam menyediakan perkhidmatan tambahan, pada tahun lepas sebanyak dua Tawaran Tertutup Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) melalui Click & Bid telah berjaya menyumbang sebanyak BND3 juta kepada hasil pendapatan Kerajaan dalam tahun 2025. Manakala Click & Buy telah menyumbang sebanyak BND1 juta dan kutipan daripada yuran tinted adalah dekat BND500 ribu.

Jabatan Penerbangan Awam Brunei secara rasmi telah menerima pakai piawaian persijilan kelayakan udara Pentadbiran Penerbangan Awam China (CAAC), yang membenarkan dan memberi kelulusan pesawat buatan COMAC untuk operasi di negara ini.

Program Kadet Maritim telah juga dilancarkan. Di mana seramai sembilan kadet telah ditaja sepenuhnya oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei untuk mengikuti program tersebut bagi pengambilan tahun 2025.

Manakala, seramai lima perantis telah berjaya mengikuti Program TechEXPLORE yang merupakan program perantisan pembelajaran dan pengalaman pekerjaan di luar negara.

Pelan Strategik Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam bertajuk 'Navigating 2030' telah dilancarkan dan menggariskan hala tuju strategik MPABD dalam memperkukuh sektor maritim dan pelabuhan Negara Brunei Darussalam sebagai pemangkin utama kepada keterhubungan negara, daya tahan ekonomi dan pembangunan mampan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pandu Penerbangan Awam (Aviation Co.) dan Penubuhan High Level Task Force Syarikat Penerbangan Kos Rendah (Low-Cost Carrier, LCC) di Negara Brunei Darussalam untuk menunduki kemajuan sektor penerbangan awam.

Pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos di mana semua fungsi dan operasi Jabatan Perkhidmatan Pos akan diambil alih secara rasminya oleh syarikat PosBru bermula 1hb Januari 2026. Pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos ini, diharapkan akan memperkukuhkan lagi keupayaan Syarikat PosBru dalam memajukan industri perkhidmatan pos, agar ia lebih efisien, berdaya saing, responsif kepada keperluan pelanggan serta selaras dengan piawaian antarabangsa.

Langkah ini juga akan membuka ruang kepada pengenalan perkhidmatan baharu yang lebih dinamik, inovatif dan fleksibel dalam memenuhi kehendak pasaran semasa.

Di samping ini, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga giat memajukan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12. Alhamdulillah, setakat Disember 2025, status pencapaian perlaksanaan fizikal projek RKN 12 bagi MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya, adalah seperti berikut iaitu enam projek (29 peratus) dalam proses reka bentuk; empat projek (19 peratus) dalam proses tawaran; enam projek (29 peratus) dalam pelaksanaan dan lima projek (23 peratus) telah siap dilaksanakan.

Mengenai dengan status projek mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam, melalui proses Request for Proposal (RFP) untuk Menyediakan, Mengendalikan, Mengurus dan Menyelenggara Perkhidmatan Pengangkutan Awam di Negara Brunei Darussalam yang telah dibukakan sebelum ini, di mana lebih daripada 10 syarikat telah menyertainya.

Hasil daripada proses penelitian dan penilaian tersebut, dua syarikat telah disenarai pendek. Surat Hasrat (Letter of Intent) telah ditandatangani pada 23 Disember 2025 bersama salah satu syarikat tersebut bagi meneruskan rundingan selanjutnya kepada pemantapan pelan operasi, struktur kewangan serta perangkaan perjanjian perkhidmatan jangka panjang, selaras dengan skop perkhidmatan yang telah ditetapkan.

Selain itu, bagi projek Smart Transportation System (STS), iaitu penyediaan platform digital pengangkutan awam yang bertujuan untuk mengoptimumkan pengurusan dan operasi rangkaian pengangkutan yang berasaskan teknologi, pemantauan dalam kenderaan serta perkhidmatan *on-demand transport* (*e-hailing*) akan dibukakan dokumen tawaran bagi projek tersebut akan dalam penggal kedua tahun ini.

Tahun 2025 menandakan tahun penutup bagi perlaksanaan beberapa pelan-pelan strategik dan tindakan di bawah MTIC. Dalam mengimbas pencapaian yang telah dilalui khususnya Pelan Strategik MTIC di sepanjang tahun 2020 hingga 2025.

Bermula dengan Kadar Pertumbuhan iaitu Growth Rate pada tahun 2024, di mana Sektor Pengangkutan dan Infokomunkasi masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus dan 2.9 peratus.

Manakala, dari segi sumbangan kedua-dua sektor kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sehingga suku ketiga (Q3) tahun 2025, masing-masing mencatatkan sejumlah BND253.2 juta bagi sektor Pengangkutan, dan sejumlah BND426.7 juta bagi sektor Infokomunikasi.

Beralih kepada 34 Petunjuk Prestasi Utama iaitu Key Performance Indicators di bawah MTIC 2025. Pada keseluruhannya, status perlaksanaan menunjukkan sebanyak 42 peratus KPI telah mencapai sasaran sementara 8 peratus KPI telah menunjukkan perkembangan positif yang menuju ke arah sasaran yang ditetapkan.

Seiring dengan itu, beberapa pencapaian utama di sepanjang tahun 2020 hingga 2025 turut dirakamkan yang menggambarkan usaha, komitmen serta kerjasama erat antara semua Jabatan dan Pihak Berkuasa di bawah MTIC.

Antaranya boleh dilihat dari segi perkara-perkara yang terkandung di bawah Hala Tuju Masa Depan (Future Outlook) MTIC 2025 di mana sejumlah 15 inisiatif telah pun siap dilaksanakan.

Mengenai pendigitalan negara, setakat hujung Disember 2025, Kadar Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan adalah 35 peratus, bersamaan dengan sejumlah 281 perkhidmatan Kerajaan yang telah didigitalkan. InsyaaAllah, dengan pengenalan Brunei ID ini ianya akan memudahkan lagi akses kepada perkhidmatan Kerajaan.

Penggunaan perkhidmatan Kerajaan secara dalam talian dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai juga sangat menggalakkan. Seperti contoh, melalui platform seperti Nomborku, yang disediakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), ianya telah menyumbang kepada 40 peratus hasil kepada JPD. Ini menunjukkan bahawa penerima gunaan teknologi (*technology adoption*) adalah semakin meningkat di kalangan orang ramai.

Kesemua pencapaian yang dikongsikan sebentar tadi mencerminkan komitmen dan keupayaan negara untuk bergerak maju. InsyaaAllah, Peramba / Saya berharap pencapaian tersebut akan terus dipertingkatkan pada masa akan datang.

Dengan itu, Peramba / Saya juga ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta semua pihak-pihak yang terlibat atas sokongan, panduan dan bimbingan yang berterusan dalam pelaksanaan Pelan Strategik MTIC 2025, dan juga dalam memastikan Kementerian ini kekal telus, bertanggungjawab dan responsif terhadap keperluan rakyat dan juga matlamat negara.

Selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda yang Ke-79 tahun 19 Muharam 1447 bersamaan 15 Julai 2025, pihak MTIC telah menyediakan Pelan Transformasi Digital Brunei (Digital Brunei Transformation Plan) yang merupakan kesinambungan dan pembaharuan kepada Pelan Induk Ekonomi Digital (Digital Economy Masterplan) 2025.

Rangka kerja ini juga merupakan usaha berterusan dalam pendigitalan ke arah merealisasikan hasrat untuk menjadikan negara ini sebuah Negara Pintar (Smart Nation). Pelan Transformasi tersebut, insyaaAllah akan dilancarkan pada masa yang terdekat.

MTIC juga dalam proses menyediakan strategi mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dengan kerjasama Pusat Kajian Strategi dan Dasar (CSPS) melalui penandatanganan perjanjian pada bulan Mei 2025 bagi menyediakan Rangka Kerja Strategi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Kebangsaan yang pertama bagi Negara Brunei Darussalam.

Tujuan rangka kerja ini adalah untuk menyediakan hala tuju strategik yang jelas bagi pembangunan STI di peringkat nasional, termasuk penentuan keutamaan dan tindakan yang diperlukan untuk membangunkan ekosistem STI yang lebih tersusun, kondusif dan berdaya saing. Strategi ini juga dihasratkan untuk memperkukuh sumbangan STI kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi negara.

Dengan berakhirnya Pelan Strategik MTIC 2025, Kementerian kini berada di satu *critical point* atau persimpangan yang amatlah penting untuk menilai semula hala tuju bagi sektor pengangkutan dan infokomunikasi dalam merangka pelan yang lebih bersedia menghadapi era kecerdasan (*intelligent era*) dan teknologi baharu. Ini juga bertujuan untuk memacu lagi keterhubungan / ketersambungan dari segi pengangkutan dan infokomunikasi untuk semua secara inklusif serta menyahut keperluan dan jangkaan rakyat yang semakin berkembang.

Maka, dengan Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Peramba / Saya dengan penuh hormat dan takzim ingin memperkenalkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik baharu Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi tempoh lima tahun akan datang.

Penyediaan Pelan Strategik MTIC 2030 ini disusun dengan mengambil kira segala pencapaian, cabaran serta pengajaran, iaitu lessons learnt daripada perlaksanaan pelan strategi terdahulu. Dengan itu, MTIC telah memperbaharui pendekatannya dengan matlamat yang lebih realistik dan bertujuan untuk terus menyejajarkan dengan matlamat dan sasaran jangka panjang seperti yang terkandung di dalam Wawasan Brunei 2035, Pelan Induk Negara iaitu National Blueprints serta Pelan-Pelan Tindakan yang berkaitan.

Selain itu, MTIC 2030 turut melibatkan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan bagi memahami dengan lebih mendalam akan isu dan keperluan rakyat dan negara yang sebenar. Pelan Strategik ini juga mengambil kira dari perbincangan serta cadangan-cadangan dan buah fikiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Negara semasa permesyuaratan di Majlis Mesyuarat Negara yang lepas. Peramba / Saya berbanyak menjunjung dan berterima kasih di atas sumbangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini.

Bagi mengakhiri, dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan juga selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka Peramba / Saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi 2026–2030 (iaitu MTIC 2030).

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# JPM ADAKAN MAJLIS DOA KESYUKURAN



**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**SEKITAR Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Zohor Berjemaah sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-52 Tahun diadakan di Masjid Ash-Shaliheen**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Zohor Berjemaah sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-52 Tahun, hari ini.

Majlis berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen itu dihadiri oleh Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diakhiri dengan bacaan Doa Khas.

Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang ke-52 tahun ini adalah sebagai tanda merafakkan kesyukuran.

Seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan, panjang umur dan kesejahteraan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia dan juga kerabat diraja.

# Program memupuk nilai solidariti, tanggungjawab sosial



**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat di Program Ziarah Mahabbah Ke-11 yang telah mengambil tempat di BIBD Connects, Labu, Temburong.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**TEMBURONG**, Isnin, 16 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dengan kerjasama Islamic Finance and Economics Students Society (iFESS) serta sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan Program Ziarah Mahabbah Ke-11 bertempat di BIBD Connects, Labu, Temburong, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Zaim Zahin bin Haji Jailani, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Tahun 3 Program Ziarah Mahabbah Ke-11, Awang Aiman Haizul Izwan bin Awang Mohamed Irman.

Acara diteruskan dengan ceramah khas yang bertajuk 'Di Sebalik Ujian, Ada Cahaya: Allah Sentiasa Bersama Hamba-Nya' disampaikan oleh Penolong Pensyarah FEKIm, UNISSA, Awang Muhammad Fuad bin Matahir yang antara lain menekankan kepentingan kesabaran, kebergantungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta nilai empati dalam kehidupan bermasyarakat.

Kemuncak program adalah sesi penyerahan sumbangan kepada para penerima sebagai tanda keprihatinan dan sokongan terhadap golongan yang memerlukan.

Penganjuran program ini berlangsung selama tiga hari dengan pengisian yang tersusun dan bermanfaat, bermula dengan penyediaan barangan sumbangan di samping pengisian rohani melalui Majlis Khatam Al-Quran.

Aktiviti seterusnya melibatkan kerja-kerja khidmat masyarakat seperti pengubahsuaian kemudahan Masjid Kampung Belais serta gotong-royong di kediaman keluarga jemputan.

Program ini turut mendapat sokongan dan kerjasama padu daripada BIBD, yang memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan program ini.

Penglibatan pihak BIBD mencerminkan komitmen berterusan institusi kewangan tersebut dalam menyokong inisiatif kemasyarakatan dan pembangunan ummah.

Program ini bertujuan untuk menyemai nilai kasih sayang, keprihatinan sosial dan semangat kebersamaan dalam kalangan mahasiswa serta masyarakat setempat melalui aktiviti ziarah dan penyerahan sumbangan.

Melalui penganjuran Program Ziarah Mahabbah Ke-11 ini, diharapkan agar nilai mahabbah, solidariti dan tanggungjawab sosial terus subur dalam kalangan mahasiswa serta memperkukuhkan hubungan antara institusi pendidikan, industri dan masyarakat.

# MDPMAMB anjur Majlis Doa Kesyukuran



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut anjuran Maktab Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**GADONG**, Isnin, 16 Februari. - Maktab Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) mengadakan Majlis Sembahyang Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-52 Tahun, lewat petang tadi.

Majlis tersebut telah diadakan di Student Learning and Service Centre (SLSC), MDPMAMB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman. Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Pensyarah Usuluddin dari Jabatan Pengajian Islam, MDPMAMB, Awang Haji Md. Shafiee bin Haji Japar.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan doa yang dipimpin oleh Ketua Majlis Perwakilan Pelajar Islam, Majlis Perwakilan Pelajar MDPMAMB, Awangku Ahmad Aiman bin Pengiran Shahmirul Kamal.

Seterusnya, Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-52 dibacakan oleh Awang Haji Md. Shafiee.

Majlis diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Warden Asrama, MDPMAMB, Awang Haji Arriffen bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Abdul Wahid.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, pemimpin-pemimpin sekolah, timbalan pengetua, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, Ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa Guru MDPMAMB dan para tenaga pengajar serta para pelajar MDPMAMB.

PELITA BRUNEI

# Menggunakan 'Inhaler' Ketika Berpuasa

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**SECARA kesimpulannya, memasukkan dengan senghaja sesuatu benda ke dalam rongga batin sama ada ia sesuatu yang boleh dimakan atau tidak, sekalipun sedikit, adalah membatalkan puasa. Adapun rasa dan bau termasuk asap yang tidak mempunyai unsur 'ain yang boleh dipisahkan daripada asap tersebut adalah tidak termasuk dalam kategori benda atau 'ain yang boleh membatalkan puasa jika ia dimasukkan ke dalam rongga batin, melainkan asap yang mempunyai unsur 'ain yang boleh terpisah daripadanya seperti asap rokok yang disedut. Jika asap yang sedemikian masuk ke dalam rongga batin, maka puasa akan batal.**

SALAH satu perkara yang membatalkan puasa ialah memasukkan apa jua *'ain* (benda) sama ada banyak atau sedikit dari rongga zahir ke dalam rongga batin melalui lubang yang terbuka dan benda tersebut dimasukkan dengan senghaja sama ada dilakukannya sendiri atau dilakukan oleh orang lain dengan keizinannya dalam keadaan dia ingat dan tahu bahawa dia sedang berpuasa.

Jika seseorang memasukkan benda tersebut dalam keadaan lupa bahawa dia sedang berpuasa atau dia tidak tahu akan keharaman memasukkan benda tersebut ketika berpuasa atau dia tidak tahu bahawa memasukkan benda tersebut membatalkan puasa atau dia dipaksa untuk memasukkannya, maka ia tidak membatalkan puasanya.

Persoalan yang sering timbul di kalangan masyarakat ialah mengenai penggunaan *inhaler* ketika berpuasa. Bagi penghidap penyakit seperti asma, *inhaler* merupakan alat bantuan pernafasan yang penting, terutama ketika serangan penyakit asma berlaku secara tiba-tiba. Adakah penggunaan *inhaler* membatalkan puasa?

Menurut kamus perubatan Oxford Concise Medical Dictionary dan A-Z Family Health Encyclopedia, *inhaler* ialah sejenis alat yang digunakan bagi mentadbir ubat dalam bentuk serbuk atau wap. Ia digunakan terutamanya dalam merawat pelbagai gangguan pernafasan seperti penyakit asma dan *chronic bronchitis* (keradangan pada saluran pernafasan dalam paru-paru). Antara ubat yang diberikan menggunakan kaedah ini ialah b*ronchodilator drugs* (atau dikenali juga dengan salbutamol yang berfungsi mengendurkan otot dalam saluran udara paru-paru bagi memastikan saluran udara terbuka dan memudahkan serta melegakan pernafasan) dan *corticosteroid drugs* (yang digunakan untuk mengurangkan keradangan).

*Inhaler* atau ubat sedutan asma boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti *pressurized metered dose inhaler* (pMDI), *dry powder inhaler* (DPI) dan *nebulizer*. Setiap jenis *inhaler* mengandungi bahan aktif yang berbeza sebagaimana dijelaskan berikut:

1. *Pressurized Metered Dose Inhaler* (pMDI).

Menurut The New Encyclopaedia Britannica, *metered dose aerosols* atau *inhaler* selalunya diletakkan pada mulut dan biasanya digunakan untuk menghantar dos ubat yang telah ditentukan ukurannya ke saluran pernafasan. Apabila injap pelepas diaktifkan, ubat yang telah ditentukan ukurannya akan dikeluarkan melalui semburan. Penghidap akan menyedut ubat tersebut yang kemudiannya akan menghantar ke dalam saluran pernafasan bronkiol.

Apabila alat ini digunakan dengan betul, ia akan mengeluarkan lebih kurang sepuluh peratus ubat ke dalam saluran pernafasan di bawah *larynx* (organ saluran udara ke paru-paru dan mengandungi peti suara). Namun dengan sepuluh peratus daripada pemendapan tersebut adalah mencukupi untuk merawat asma.

*Inhaler* jenis ini mengandungi ubat dalam bentuk cecair ampaian (*suspension*) atau larutan dengan *surfactant*, *lubricants* dan *propellant* yang akan keluar dalam bentuk semburan gas (*aerosol*).

2. *Dry Powder Inhaler (DPI).*

Secara umumnya *dry powder inhaler* atau ubat sedut serbuk disimpan dalam salutan seperti kapsul dan sebagainya. Setelah salutan atau kapsul dipecahkan, pesakit hanya perlu menyedut ubat dengan kuat dan ubat akan terus masuk ke dalam saluran pernafasan. Alat ini tidak memerlukan gas *propellant* untuk mengeluarkan ubat sepertimana pMDI.

3. *Nebulizer.*

*Nebulizer* adalah alat mesin yang menukarkan ubat dalam bentuk cecair kepada kabus halus yang disedut masuk ke dalam saluran paru-paru. Ia menolak udara yang padat melalui ubat cecair dan menukarnya kepada kabus yang kemudiannya disedut menggunakan topeng muka khas atau melalui corong mulut.

Dapat difahami daripada penjelasan mengenai jenis-jenis *inhaler* di atas bahawa kaedah memasukkan ubat ke dalam saluran pernafasan adalah dengan cara sedutan melalui rongga mulut dan hidung. Pada asasnya ubat yang keluar dari *inhaler* adalah dari jenis bahan kimia yang tidak boleh dilihat sifatnya dan tidak dapat bertindak sendiri melainkan dengan bantuan sesuatu bahan (*substance*) sebagai pembawa (*carrier*) untuk sampai ke dalam paru-paru. Bahan pembawa itu ada tiga jenis iaitu pepejal, cecair atau gas (*aerosol*). Adapun bahan pembawa ubat yang terdapat dalam pMDI adalah dari jenis gas. Manakala pembawa ubat yang terdapat dalam *dry powder inhaler* pula adalah bahan pepejal iaitu serbuk kering. Wap pula adalah bahan cecair pembawa ubat yang terdapat dalam *nebulizer*.

### Maksud *'Ain* Yang Masuk Ke Rongga Batin

Menurut para ulama, maksud sesuatu benda atau *'ain* yang boleh membatalkan puasa apabila ia dimasukkan ke dalam rongga batin ialah apa jua benda sama ada ia sesuatu yang boleh dimakan ataupun tidak seperti batu sekalipun sedikit seperti biji lenga.

Adapun sesuatu yang tidak dikategorikan sebagai *'ain* atau benda ialah seperti bau dan rasa sebagaimana yang disebut oleh Imam Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Ghurar al-Bahiyyah fi Syarh al-Bahjah al-Wardiyah :

**Ertinya** : *Dan terkeluar dengan (maksud) 'ain (itu) ialah kesan seperti sampai bau dengan (cara) menghidu hingga (sampai) ke otaknya dan (sampai) rasa dengan (cara) merasa hingga (sampai) ke kerongkongnya.*

Selain daripada itu, asap juga tidak dikategorikan sebagai *'ain*. Asap yang dimaksudkan ialah asap yang tidak mengandungi *'ain* iaitu tidak mempunyai kesan *'ain* yang boleh dipisahkan daripadanya seperti asap masakan atau asap kemenyan, setanggi dan lain-lain (*al-bakhur*). Ia tidak membatalkan puasa jika masuk ke dalam rongga batin orang yang berpuasa. Asy-Syaikh al-Bujairimi Rahimahullah berkata dalam kitabnya al-Bujairimi 'ala al-Khathib:

**Ertinya** : *Dan daripadanya (yang tidak membatalkan puasa) asap yang tiada 'ain padanya seperti al-bakhur (asap dari pembakaran dupa). Berbeza dengan suatu yang (ada) padanya 'ain seperti asap (rokok) yang masyhur pada masa ini menurut asy-Syaikh Syihabuddin Qalyubi. Dan ungkapan 'Abdulbarr (pula menyatakan) : Dan daripadanya diambil (hukum) bahawa asap yang mempunyai bau al-bakhur atau selainnya yang sampai hingga ke (dalam) rongganya, ia tidak membatalkan (puasa) sekalipun dia senghaja membuka mulutnya untuk demikian itu kerana ia bukan 'ain, iaitu mengikut 'urf (kebiasaan).*

Manakala asap yang mempunyai *'ain* iaitu mempunyai kesan *'ain* yang boleh dipisahkan daripadanya seperti asap tembakau (rokok), maka ia dikategorikan sebagai *'ain*. Jika ia dimasukkan ke dalam rongga batin, maka puasa adalah batal. Perkara ini dijelaskan oleh asy-Syaikh al-Qalyubi *Rahimahullah* dalam kitab Hasyiyatan al-Qalyubi wa 'Umairah :

**Ertinya** : *Dan daripadanya (yang dikategorikan 'ain ialah) asap yang bersamanya (mempunyai) 'ain yang terpisah sepertimana dalam (kitab) syarah syaikh (guru) kami ar-Ramli, dan terkeluar dengannya (perkataan 'ain) bau dan (termasuk) daripadanya (bau) ialah asap seperti (asap) al-bakhur yang tiada bersamanya (padanya) 'ain yang terpisah dan (tidak dikategorikan 'ain itu juga) ialah rasa.*

As-Sayyid al-Jurdani *Rahimahullah* pula menyebut dalam kitabnya Fath al-'Allam :

**Ertinya** : *Dan (termasuk) daripada 'ain ialah asap rokok (sebagaimana) yang diketahui maka ia membatalkan (puasa), kerana ada padanya kesan yang didapati seperti apa yang dilihat pada batin (dalam) batang (rokok) atau mulut (penapis) rokok yang dihisap dengannya, dan seumpamanya (juga) ialah asap tembakau kerana jelas (nampak) padanya kesan, (begitu) juga pada syisyah dan mulutnya (syisyah).*

Secara kesimpulannya, memasukkan dengan senghaja sesuatu benda ke dalam rongga batin sama ada ia sesuatu yang boleh dimakan atau tidak, sekalipun sedikit, adalah membatalkan puasa. Adapun rasa dan bau termasuk asap yang tidak mempunyai unsur *'ain* yang boleh dipisahkan daripada asap tersebut adalah tidak termasuk dalam kategori benda atau *'ain* yang boleh membatalkan puasa jika ia dimasukkan ke dalam rongga batin, melainkan asap yang mempunyai unsur 'ain yang boleh terpisah daripadanya seperti asap rokok yang disedut. Jika asap yang sedemikian masuk ke dalam rongga batin, maka puasa akan batal.

### Kedudukan Puasa Orang Yang Menggunakan *Inhaler* Ketika Berpuasa

Berdasarkan keterangan di atas adalah jelas bahawa menggunakan *inhaler* jenis *dry powder* dan *nebulizer* adalah membatalkan puasa kerana bahan yang disedut itu ialah *'ain* iaitu serbuk kering (DPI) dan cecair dari wap (*nebulizer*). Sementara *pressurized metered dose inhaler* pula, juga membatalkan puasa kerana bahan yang disedut adalah *'ain* yang boleh dipisahkan dari semburan gas *aerosol inhaler* sebagaimana yang dapat dilihat dengan jelas apabila ia disemburkan pada permukaan sesuatu benda. Maka kedudukan *'ain* yang ada pada gas *aerosol inhaler* itu adalah seperti kedudukan *'ain* yang ada pada asap rokok sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

### Kewajipan Mengqadha' Puasa Bagi Orang Yang Menggunakan *Inhaler*

Jika seseorang menggunakan *inhaler* ketika berpuasa yang menyebabkan batal puasanya, maka kedudukan puasanya sama ada dia wajib mengqadha' puasanya atau tidak adalah bergantung kepada keadaan sakitnya sama ada dia menghidap sakit yang tiada harapan sembuh dengan pengesahan doktor atau pakar perubatan yang adil atau dia menghidap sakit yang ada harapan sembuh.

Bagi orang sakit yang tiada harapan sembuh seperti seseorang menghidap penyakit yang menyebabkan dia menggunakan *inhaler* berulang kali dalam sehari atau rawatan pernafasan yang lain, maka tidak wajib ke atasnya mengqadha' puasa yang ditinggalkannya itu. Walau bagaimanapun dia wajib mengeluarkan fidyah sebagai ganti hari-hari puasa yang ditinggalkannya.

Manakala bagi orang sakit yang ada harapan sembuh, jika penyakit yang dialaminya terjadi pada siang hari bulan Ramadhan sehingga menyebabkan dia menggunakan *inhaler* dan jika dia tidak menggunakannya akan mendatangkan mudarat kepada dirinya atau menambah sakitnya atau melambatkan sembuh sakitnya, maka wajib ke atasnya mengqadha' puasa yang batal disebabkan menggunakan *inhaler* setelah sembuh.

Demikian penjelasan mengenai menggunakan *inhaler* ketika berpuasa.

**BERDASARKAN keterangan di atas adalah jelas bahawa menggunakan inhaler jenis *dry powder* dan *nebulizer* adalah membatalkan puasa kerana bahan yang disedut itu ialah *'ain* iaitu serbuk kering (DPI) dan cecair dari wap (*nebulizer*). Sementara *pressurized metered dose inhaler* pula, juga membatalkan puasa kerana bahan yang disedut adalah *'ain* yang boleh dipisahkan dari semburan *gas aerosol inhaler* sebagaimana yang dapat dilihat dengan jelas apabila ia disemburkan pada permukaan sesuatu benda. Maka kedudukan *'ain* yang ada pada *gas aerosol inhaler* itu adalah seperti kedudukan *'ain* yang ada pada asap rokok sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.**

# DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DPMM



**PEMERINTAH ABDB semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran yang telah diadakan di Surau Al-Fa'izun, Berakas Garison.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS GARISON**, Isnin, 16 Februari. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-52 Tahun.

Majlis tersebut dilaksanakan secara serentak di kesemua surau Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru dengan majlis tumpuan diadakan di Surau Al-Fa'izun, Berakas Garison.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; Timbalan Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah - pengarah, pegawai - pegawai kanan, pegawai - pegawai, anggota dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Majlis tersebut dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin.

Bagi memberkati majlis, Doa Khusus sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-52 Tahun dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

# Doa Kesyukuran, Solat Hajat sempena Puja Usia DYTM

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Selasa, 17 Februari. - Sempena Hari Puja Usia Ke-52 Tahun Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Hajat di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Polis, PPDB, CP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir, para pengarah, timbalan pengarah, pegawai pemerintah, ketua formasi, pegawai serta anggota PPDB.

Majlis yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Hajat serta bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Ke-52 Tahun Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis, APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

**PESURUHJAYA Polis, PPDB, CP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin hadir selaku tetamu kehormat majlis.**



# Permainan Monopoly Brunei Darussalam dilancarkan




**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**




**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan majlis pelancaran Monopoly Brunei Darussalam berkenaan dan berkesudian bergambar ramai (atas kanan dan atas).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Satu pencapaian bersejarah apabila Black Sheep Company secara rasminya melancarkan permainan papan Monopoly Brunei Darussalam dalam sebuah majlis yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di ibu negara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab yang turut berkesudian menyempurnakan majlis pelancaran Monopoly Brunei Darussalam berkenaan.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan sebelum diteruskan dengan pertunjukan video pendek mengenai Monopoly Brunei Darussalam dan penyampaian sijil penghargaan bagi rakan kongsi yang bekerjasama bagi menjayakan permainan papan berkenaan.

Tetamu kehormat turut berkesempatan menerima cenderamata dan bergambar ramai pada majlis tersebut sebelum melihat lebih dekat permainan papan Monopoly Brunei Darussalam yang baru saja dilancarkan.

Monopoly adalah salah satu permainan papan yang sangat popular dalam kalangan kanak-kanak dan orang ramai di seluruh dunia dan salah satu permainan papan terlaris sepanjang zaman.

Monopoly Brunei Darussalam adalah di bawah lesen global dalam permainan Hasbro dan menampilkan beberapa buah mukim serta lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Di antara objektif permainan itu diadakan adalah untuk mempromosikan tempat yang terdapat di negara ini di samping mendidik para peserta tentang nilai dolar, cara menyimpan untuk matlamat jangka panjang dan cara berbelanja secara bertanggungjawab, melengkapkan mereka dengan keupayaan untuk menguruskan kewangan mereka pada kemudian hari.

Ia juga membantu untuk mengelakkan kesilapan pengurusan kewangan dan membuat keputusan kewangan yang lebih bijak.

# MENYEMARAKKAN SEMANGAT PERPADUAN, KENEGARAAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN





NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat di Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, di hadapan Dewan Canselor, UBD (atas dan atas kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini mengadakan Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, yang berlangsung di hadapan Dewan Canselor, UBD, petang tadi.

Majlis anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu menghimpunkan pegawai - pegawai kanan, kakitangan, para pelajar serta jemputan khas dalam sama-sama menyemarakkan semangat perpaduan dan kenegaraan bersempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Turut hadir, Penolong-penolong Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, kakitangan dan para pelajar UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya perarakan masuk Kadet Tentera UBD bagi upacara menaikkan bendera diikuti Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kelab Koir UBD.

Upacara lafaz ikrar diketuai oleh tiga pelajar tahun akhir iaitu Awang Muhammad Ambree Nazri Ahmad dari Program Ijazah Sarjana Muda Sains Digital, Sekolah Sains Digital; Dayangku Yura Nadya Sharina Pengiran Haji Yura Halim dari Program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah dan Pengajian Antarabangsa), Fakulti Sastera dan Sains Sosial; serta Dayang Rina Noraini Kula dari Program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Geografi, Alam Sekitar dan Pembangunan), fakulti yang sama.

Ahli-ahli kelab dan badan di bawah Persatuan Mahasiswa UBD kemudiannya mengadakan perarakan lalu sambil diiringi lagu patriotik 'Berkibarlah Bendera' oleh Kelab Koir UBD.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa memohon keselamatan dan kesejahteraan serta sesi bergambar ramai sebagai tanda kenangan dan simbol perpaduan warga universiti dalam meraikan Ulang Tahun HK NBD yang Ke-42.



SEMASA upacara lafaz ikrar dijalankan.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن فوسة دعوه اسلاميه

# Ramadan bulan Al-Quran

**MARILAH** kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu istiqamah dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya demikian, mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik dan unggul serta mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Antara peristiwa agung dalam sejarah umat Islam di bulan Ramadan ialah turunnya kitab suci Al-Quran atau juga disebut Nuzul Al-Quran. Nuzul bererti turun, sementara Al-Quran pula merupakan kitab suci Allah Subhanahu Wata'ala, mukzijat yang paling besar dikurniakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka istilah Nuzul Al-Quran boleh diertikan sebagai penurunan Al-Quran ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai petunjuk kepada umat manusia seluruh alam.

Peristiwa Nuzul Al-Quran berlaku pada 17 Ramadan di waktu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam beribadat di Gua Hira. Ibnu Abbas Radiallahuanhuma berkata bahawa Al-Quran telah diturunkan dari Lauh Mahfuzh ke Baitul 'izzah di langit dunia dengan sekali turun pada malam Lailatulqadar pada bulan Ramadan. Kemudian Malaikat Jibril Alaihissalam menyampaikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sedikit demi sedikit selama 23 tahun.

Kitab Al-Quran yang diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah kitab suci yang sempurna dan lengkap, yang menjadi pegangan, pedoman dan petunjuk buat sekalian manusia agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat sebagaimana diterangkan dalam Al-Quran dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang yang mafhumnya : "*(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah*".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadikan bulan Ramadan sebagai bulan Al-Quran, iaitu dengan menghidupkan dan memperbanyak serta mengisi waktu-waktunya pada bulan tersebut dengan membaca Al-Quran, lebih-lebih lagi ketika memasuki di 10 hari terakhir bulan Ramadan. Baginda menganggap bahawa tiada malam yang lebih mulia untuk dilakukan oleh orang Islam pada bulan Ramadan selain daripada memperbanyakkan membaca Al-Quran.

Kerana itu, kita digalakkan supaya melazimkan diri menghidupkan hari-hari Ramadan ini dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran sama ada secara bertadarus ataupun berseorangan, lebih-lebih lagi sehingga menamatkan (khatam) bacaan 30 Juz Al-Quran. Membaca Al-Quran merupakan ibadat paling utama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Maka itu pada bulan Ramadan inilah masa yang paling afdal untuk membaca Al-Quran selain membacanya pada hari-hari biasa kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan kelebihan dan keistimewaan pahala bagi sesiapa yang beramal ibadat pada bulan mulia ini.

Sesungguhnya orang-orang yang selalu belajar, membaca, apatah lagi yang di dalam dadanya penuh dengan Al-Quran akan mendapat syafaat daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk pembacanya. Ini telah diterangkan oleh hadis riwayat Imam Muslim daripada Abi Umamah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "*Bacalah oleh kamu akan Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang pada Hari Kiamat sebagai syafaat kepada pembacanya*".

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari 'Abdullah bin 'Amr bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "*Puasa dan Al-Quran akan memberi syafaat kepada para hamba di Hari Kiamat. Puasa berkata : Wahai Tuhanku, aku telah menghalangnya dari makan dan minum dan dari syahwat di siang hari, maka berilah aku keizinan untuk syafaat kepadanya. Al-Quran berkata : Wahai Tuhanku, aku telah menghalangnya dari tidur di malam hari, maka berilah keizinan kepada ku untuk memberi syafaat kepadanya. Maka Allah Subhanahu Wata'ala pun berfirman : Terimalah syafaat puasa dan Al-Quran*".

Hadis di atas memberi gambaran bahawa membaca Al-Quran pada bulan Ramadan akan menambahkan lagi ganjaran dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Selain itu, orang-orang yang selalu membaca Al-Quran semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan diberikan kedudukan yang berbeza, baik semasa mereka hidup atau sesudah berada di akhirat. Ini seperti mana menurut Imam Al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada Saiyidatina 'Aisyah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "*Orang-orang yang mahir membaca Al-Quran kedudukannya bersama-sama dengan Malaikat al-Kiram dan al-Bararah, dan yang membaca dengan keadaan lidahnya tidak fasih dan susah baginya menyebut (pada hal dia ingin juga membaca Al-Quran) maka baginya dua pahala*".

Di samping itu, kemuliaan yang dikurniakan kepada orang yang membaca Al-Quran itu turut melimpah kepada kedua ibu bapa mereka. Menurut Imam Abu Daud dan Al-Hakim telah meriwayatkan, daripada Sahal bin Mu'az daripada bapanya, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Barang siapa yang membaca Al-Quran dan mengamalkan apa yang dibacanya itu maka akan dipakaikan kedua ibu bapanya sebuah mahkota pada Hari Kiamat yang cahayanya lebih baik daripada cahaya matahari yang ada menyinari di rumah dunia, maka apakah pendapat kamu mengenai orang yang mengamalkan itu pula (tentulah lebih daripada itu)*".

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memberikan kurnia pahala yang tidak sedikit kepada orang yang membaca Al-Quran. Tiap-tiap satu huruf ada pahalanya, tiap-tiap satu ayat pula ada tingkatannya yang berlainan. Tiap-tiap surah pula ada dengan ketentuan-ketentuan pahalanya yang tidak sama dengan satu dengan yang lain. Satu huruf di dalam Al-Quran jika dibaca dengan sempurna ganjarannya ialah sepuluh kebajikan (pahala). Ini berdasarkan kepada dalil hadis riwayat Imam At-Tirmidzi darpada Ibnu Mas'ud Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : yang maksudnya : "*Siapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah Subhanahu Wata'ala dia akan memperolehi satu kebajikan. Dan satu kebajikan atau pahala itu pula digandakan lagi dengan 10 kali ganda. saya tidak mengatakan Alif Lam Min itu satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Min satu huruf*".

Maksud hadis di atas menggambarkan betapa banyaknya pahala yang bakal diperoleh oleh seorang yang membaca Al-Quran lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan. Oleh demikian, janganlah menjauhkan diri daripada Al-Quran sebaliknya jadikanlah ia sumber rujukan dan panduan dalam tindak-tanduk kehidupan kita seharian. Kesempatan yang paling berharga ini tidak seharusnya kita lepaskan begitu sahaja sebaliknya bacalah Al-Quran sebanyak - banyaknya dalam bulan Ramadan, semata-mata mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

# PROJEK GIANT ARTWORK 42 PLATFORM SERLAHKAN KREATIVITI SENI, BAKAT TEMPATAN

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Isnin, 16 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hari ini mengadakan projek Giant Artwork 42 bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42.

Majlis ini diadakan di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, petang tadi, di sini.

Projek ini sebelumnya dikenali sebagai Hashtag NBD yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2019 dan menjadi antara elemen dekorasi seni utama dalam memeriahkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafelah, selaku tetamu kehormat majlis.

Projek ini merupakan inisiatif kolaboratif yang melibatkan para penggiat seni tempatan, sukarelawan, agensi kerajaan dan sektor swasta di negara ini sebagai manifestasi sokongan serta penyertaan bersama dalam menyemarakkan semangat patriotisme dan memperkukuh kecintaan terhadap tanah air.

Objektif projek ini dilaksanakan adalah untuk menyediakan platform kolaborasi kepada penggiat seni, agensi kerajaan dan sektor swasta untuk menyalurkan kreativiti melalui seni awam di samping memartabatkan seni dan bakat tempatan sebagai elemen identiti Sambutan HK NBD.

Pada masa yang sama, ia juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar melalui penggunaan bahan kitar semula selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) selain memperindahkan ruang awam serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti riadah dan apresiasi seni.

Seramai 53 orang pelukis dan sukarelawan terlibat secara langsung dalam menjayakan projek pada tahun ini.

Turut menyumbang tenaga dan komitmen ialah 50 orang klien Biro Kawalan Narkotik (BKN) serta lima orang pegawai yang berganding bahu dalam penghasilan karya seni berskala besar ini.

Projek ini turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada rakan strategik, iaitu Unified National Networks (UNN) Sendirian Berhad, Thredz Brunei, AkzoNobel (jenama cat Dulux), The Birdhouse Studio serta Low San Hardware. Sokongan yang diberikan merangkumi sumbangan kepakaran, bahan, logistik dan penglibatan kreatif bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini.

Bahkan projek tersebut bukan sahaja menjadi simbol kreativiti dan perpaduan, malah mencerminkan komitmen bersama dalam memupuk nilai patriotisme, kebersamaan dan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

Diharap projek ini akan terus menjadi platform penyatuan komuniti dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis perasmian berkenaan.**




## Penduduk tetap didenda kerana miliki barang tegahan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Seorang lelaki penduduk tetap mengaku bersalah atas satu pertuduhan, di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Defendan, Lim Wei Sheng, berumur 23 tahun, dijatuhkan hukuman denda oleh Majistret, Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahran, hari ini.

Defendan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND5,592 atau lima bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas kesalahan didapati memiliki 84 botol minuman keras pelbagai jenis dan satu buah kenderaan jenama Rover 600.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), di kawasan Kampung Lumapas pada 22 Mac 2021. Semua barang yang terlibat iaitu minuman keras dan sebuah kenderaan jenama Rover 600 dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

## Miliki *vape* : Seorang warga tempatan didenda

**KUALA BELAIT**, Isnin, 16 Februari. - Mahkamah Majistret Kuala Belait, hari ini, menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND12,450 atau 12 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warga tempatan.

Majistret, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman memutuskan hukuman terbabit selepas Mohammad Nazirul Hafidz bin Hamdan, 36 tahun, mengaku bersalah atas satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendan didakwa atas kesalahan kerana memiliki 76 unit *vape* pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang (Cawangan Daerah Belait), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di kawasan Perumahan Jalan Rotan Gatah RPN Kampung Lumut pada 15 Februari 2025, pukul 12.52 tengah hari.

Semua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan pelupusan.




## Udang Masak Kam Heong

### RPN Kampung Lumut

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BAHAN-BAHAN :**
15 ekor udang goreng
2 biji bawang merah
3 ulas bawang putih
1 inci halia
6 biji cili padi
Udang kering (ditumbuk)
2 tangkai daun kari
2 sudu besar kari
2 sudu besar sos cili
1 sudu besar sos tiram
2 sudu besar kicap manis
Garam dan gula secukup rasa

**CARA-CARA MEMASAKNYA :**
Gaul udang bersama kunyit, garam, serbuk cili dan tepung jagung. Gorengkan udang dan ketepikan. Tumis bawang, halia, cili dan daun kari sehingga naik bau. Masukkan serbuk kari dan masak sehingga pecah minyak. Setelah itu masukkan sos tiram, sos cili dan kicap manis. Masukkan udang kering yang telah ditumbuk. Tambahkan sedikit air. Masukkan udang yang telah digoreng tadi. Perasakan dengan garam dan gula secukupnya.

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II

**Kategori:**
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
24 Februari 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 10 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 007 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Operasi Penyelenggaraan Stesen Pam Saliran Di Sg. Seria Dan Sg. Bera, Mukim Seria Bagi Tempoh 24 Bulan.

**No. Projek:**
2026ADKB / 2106 / 002-003-001

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II & Ke Atas

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
24 Februari 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
10 Mac 2026
Tidak Lewat Dari Jam
12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 010 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Paip Dan Lurang Pembetung Bagi Kawasan Komersial, Pekan Seria, Daerah Belait.

**No. Projek:**
2026ADKB / 2106 / 002-003-002

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II & III

**Kategori:**
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
24 Februari 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
10 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 009 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Penyelenggaraan Stesen Pam Saliran Di Jalan Maulana Outfall 2,3,4, 5 & 8 Bagi Tempoh 24 Bulan

**No. Projek:**
2026ADKB / 2106 / 002-003-005

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam: 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
10 Mac 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 03 / 2026

**Nama Projek**:
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Hawa Dingin Bagi Bangunan Kementerian Pembangunan Untuk Tempoh Dua (2) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
II dan III sahaja

**Kategori:**
B01 & KPB02

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM002 / 2026

**Bil. Projek:**
2026DBSBM / JPA.01

**Nama Projek:**
Kerja-kerja Pembaikan Pada Kalis Air dan Atap Di Bangunan Jabatan Perkhidmatan Awam (Ditawarkan Semula)

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
24 Februari 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Mac 2026
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari

## JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Pemberitahuan Sebut Harga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada
Ibu Pejabat,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas
BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis,
26 Mac 2026.

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**1. JPt / SH / 115 / 2025 - 2026**
Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Ladang Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Maraburong, Daerah Tutong

**2. JPt / SH / 116 / 2025 - 2026**
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'B' Brunei Muara District, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

**3. JPt / SH / 117 / 2025 - 2026**
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'C' Brunei Muara District, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

**4. JPt / SH / 102(A) / 2025 - 2026**
To Provide Training For SHENA Radiation License

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 38(a)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

**Jawatan:**
Penyelia Pejabat

**Tangga Gaji:**
C.1-2 EB.3 (BND1,280 - BND2,270)

**Kekosongan:**
1 Jawatan

**Jabatan:**
Universiti Brunei Darussalam

**Menghadapkan Borang Permohonan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan: *https://tinyurl.com/PenyeliaPejabatUBD*

Hendaklah memuat naik salinan Sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah disikan dengan lengkap **tidak lewat 3 Mac 2026.**

Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya di tahap Sangat Baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Dokumen-dokumen berkenaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Pejabat Sumber Manusia**
**Universiti Brunei Darussalam**
**Jalan Tungku Link, Gadong**
**BE1410**
**Negara Brunei Darussalam**
**[U.P: Bahagian Pengambilan]**

**Sila Ambil Perhatian:**

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat KELAYAKAN MINIMUM (*shortlisted*) akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.

Bagi permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke:
*admin.recruitment@ubd.edu.bn*

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**
KK / 01 / 2026 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 02 / 2026 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 03 / 2026 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

**Kelas / Kategori:**
**Kelas :** III dan ke atas
**Kategori:** S02 and must have certificate for cleaning service for high rise building

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 04 / 2026 / PHARM

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan hanya syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan penyelenggaraan untuk kolam renang

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 03 / 2026 / ESTETMOH

**Keterangan:**
To Provide One-Off Serviced Specialise Cleaning Services For High-Rise Building At Ministry Of Health Complex

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 04 / 2026 / ESTETMOH(TC)

**Keterangan:**
Provision Of Maintenance Services For Swimming Pool At Health Promotion Centre Under The Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 05 / 2026 / JPK(TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Cleaning Services And Grass Cutting Services For The Following Health Centres For A Period Of Three (3) Years:
1. Pengkalan Batu Health Centre
2. Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPHRSB) Sungai Asam Health Centre
3. Kampung Bolkiah 'B' Health Clinic
4. Kampung Sungai Bunga Health Clinic

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 06 / 2026 / LAB (TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Laboratory Consumables & Reagents For National Histology And Cytology Laboratory & Mortuary Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 07 / 2026 / SSBH

**Keterangan:**
The Provision Of Providing Manpower For Central Sterile Service Department Of Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Six (6) Months

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 08 / 2026 / SSBH

**Keterangan:**
Kerja-Kerja Penambahan Letak Kereta Kawasan Berdekatan Blok L Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 09 / 2026 / HTD

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Bedside Multiparameter Monitors For Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 10 / 2026 / UPP(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Obstetrics And Gynaecology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 11 / 2026 / JPK (TC)

**Keterangan:**
The Management And Operation Of Berakas Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 12 / 2026 / JPK (TC)

**Keterangan:**
The Management And Operation Of Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakkilah Hayatul Bolkiah Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 13 / 2026 / JPR (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Diasafe Ultrapure Filters For The Use Of Fresenius, Model 4008 Series Hemodialysis Machine For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Tidak lewat Jam 12.00 Tengah Hari, 3 Mac 2026

PELITA BRUNEI



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Pemberitahuan Tawaran Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 45 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran**:
BND10.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 46 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 47 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 48 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND500.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 49 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 50 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 51 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 52 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
DRG / 53 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
VAK / 01 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
REN / 01 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
REN / 02 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND500.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
REN / 03 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
REN / 04 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
3 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari

PELITA BRUNEI

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

**Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah-Sekolah Ugama Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Daerah Brunei dan Muara**

**No Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 12 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Pelambayan, Kawasan Brunei I

**No Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 18 / 06

**No Tawaran:**
Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Aziemah Ni'matul Bolkiah, Kampung Mentiri, Kawasan Brunei II B

**Daerah Tutong**

**No Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 36 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Penanjong, Tutong I

**No Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 37 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Sengakarai, Tutong I

**Daerah Belait**

**No Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 46 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Sungai Taring, Lumut, Belait

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 7 Ramadan 1447H / 25 Februari 2026M

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / LTK / RKN-LIBRARY / 2026:**
The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Maintenance Of Project UNISSA Smart Library, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup:**
14 April 2026 (Selasa)

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga:**
AVSEC / 2026 – 2027 / SH-03
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Bangunan-Bangunan dan Premis-Premis Jabatan Penerbangan Awam

**Bilangan Sebut Harga:**
AVSEC / 2026 – 2027 / SH-04
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Aset / Bangunan Jabatan Penerbangan Awam Di Kawasan Tapak Terpencil (Remote Site)

**Bilangan Sebut Harga:**
AVSEC / 2026 – 2027 / SH-05
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Operasi-Operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
4 Mac 2026
(Sebelum jam 2.00 petang)

**Tajuk Tawaran:**
Supply and Delivery of New Air Filter for PAC DB-AIRE, Department of Civil Aviation

**Bilangan Sebut Harga:**
ATELS / 2026 / SH-01

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
18 Februari 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
3 Mac 2026,
Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
4 Mac 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari)

**Tawaran No. 01**
Provision of 24 Hours Backup Services & Maintenance to Airside Electrical Fasilities at Brunei International Airport
**AME / 2026 – 2027 / SH-03**
(kelas II atau ke atas)

**Tawaran No. 02**
Replacement of Double Panel Tempered Glass Wall at Arrival Area and Departure Area, Terminal Building
**AME / 2026 – 2027 / SH-04**
(kelas II atau ke atas)

**Tawaran No. 03**
Kontrak Bermusim Bagi Pengutipan Sampah di Barek DCA Jalan Berakas dan Barek Bomba DCA Jalan Kustin Bagi Tempoh (03) Tahun
**AME / 2026 – 2029 / SH-05**
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
18 Februari 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
3 Mac 2026, Selasa
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 4 Mac 2026

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga:**
KHEU / JPI / LTK / PPPB / SUL / 2025 - 2026
Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Lamunin, Tutong I
Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1447H-1448H / 2025M – 2026M

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
6 Ramadan 1447H /
24 Februari 2026M

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
III & IV

**Kategori :**
B01
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
3 Mac 2026

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
17 Mac 2026,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 03 / CQS / 2026-T / III

**Nama Projek:**
Pembinaan Courtyard Kiri Dan Kanan Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba – Design And Build

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
22 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut Harga
Bagi Penggantian
Kain Banting Dan Alat Perhiasan Diraja Serta Membaik Pulih Struktur Tiang-Tiang Yang Ada Di Pemajangan, Zon C Galeri Jubli Perak Di Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium Brunei

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
26 Februari 2026

**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran:**
JPKK / JKSH2526-QTN.14 / ADM

**Tajuk Tawaran:**
Membekalkan Peralatan Projek EPG PR Migration Contingency System Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Tarikh Tutup / Jam:**
28 Februari 2026
Sabtu (9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Tawaran:**
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2,
Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan**

**MOE / LTK / 13 / 2026 / 2027 (AKS-FEB-2026)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
24 Februari 2026
– Selasa
[Tidak lewat
Jam 12.00 Tengah Hari]

**MAHKAMAH BESAR**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH**
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY/CP/465/2010**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
(PREVIOUSLY FILED BY HSBC FINANCE (B) BERHAD)
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

**AK MOHAMAD ALI NOR BIN PG MOHAMAD**
(BYIC NO. 00-285090)
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 17 Mac 2011 telah dibatalkan pada 29 Januari 2026.

**Nama Penghutang:**
Ak. Mohamad Ali Nor Bin Pg. Mohamad

**Alamat Penghutang:**
No. 20, Simpang 82-5-34,
Kampung Perpindahan Rimba,
Gadong BE3319,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 5 Februari 2026

**KES NO. BCY/CP/198/2018**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
… Pemiutang / Pemetisyen

**NAARUL RALIJAM BIN HJ AWANG IBRAHIM**
[Kad Pengenalan Brunei No. 00-293438 – BYIC]
… Penghutang/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila Ambil Perhatian bahawa:
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 31 Januari 2026.

**Nama dan alamat Bankrap:**
Naarul Ralijam Bin Hj Awang Ibrahim,
No. 4, Simpang 93-47-6,
RPN Kampung Pandan B,
Kuala Belait KA2031,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: 19 Mac 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 9 Februari 2026

**NUR SARIY SYAHMINA BINTI HAJI JAFFRI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/166/2025**

**MALAYAN BANKING BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**HAJAH SUPRIANI BINTI SUBROTO**
BGIC No. 31-000645
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Disember 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
HAJAH SUPRIANI BINTI SUBROTO
No. 11, Simpang 51-17-5-6,
STKRJ Kampung Rimba,
Gadong BE3119,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 6 Ogos 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 7 Februari 2026

**FATIN FIKRIYAH BINTI HAJI ROSLI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/161/2022**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
… Pemiutang / Pemetisyen

**SHAHRONFURIZAN BIN ABD GHAFAR**
[ BYIC NO. 00-280270 ]
… Penghutang/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila Ambil Perhatian bahawa:
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Februari 2026.

**Nama dan alamat Bankrap:**
SHAHRONFURIZAN BIN ABD GHAFAR
No. 28, Simpang 82-6,
STKRJ Rimba, Jalan Gadong.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
8 Disember 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 9 Februari 2026

**MUHAMMAD SYAFIQ BIN AWANG HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

---

**KEMENTERIAN**
**HAL EHWAL UGAMA**

**Dibukakan Kepada Kontraktor Kelas IV & V Dan Kategori B01 Open For Contractor Class IV & V And Category BO1**

**KHEU / BDP / LTK / 001 / 2026**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques Within Zone 1 In Brunei Muara District, Ministry Of Religious Affairs, Negara Brunei Darussalam

**KHEU / BDP / LTK / 002 / 2026**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques Within Zone 2 In Brunei Muara District, Ministry Of Religious Affairs, Negara Brunei Darussalam

**KHEU / BDP / LTK / 003 / 2026**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Mosques Within Zone 3 In Brunei Muara District, Ministry Of Religious Affairs, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Buka Tawaran:**
11 Februari 2026
dan
18 Februari 2026

**Tarikh dan Jam Tutup Mengambil Dokumen Tawaran:**
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**Tarikh Tutup Tawaran:**
3 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari

---

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
EGNC / PM / 4.1 / 9.2025
EGNC Loadmaster LM-X25 License Renewal & Maintenance for 3 Years (2026-2029),
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
17 Mac 2026

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / LB / TA / 01
Perkhidmatan Pembuatan Facade Bagi Acara Yang Akan Dianjurkan Oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)
Tahun 2026

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada
Selasa, 3 Mac 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Mac 2026
12.00 Tengah Hari



# PKWE TUTONG AGIHKAN SUMBANGAN







**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan agihan daging kerbau tersebut kepada para penerima (kiri dan kiri bawah).**

**TUTONG**, Isnin, 16 Februari. - Projek Senada Kasih Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong (PKWE Tutong) bagi pengagihan daging kerbau anjuran pusat berkenaan telah berlangsung pagi tadi di kawasan lapang pusat berkenaan. Projek tersebut diadakan untuk berkongsi rasa gembira dan syukur di atas rezeki yang diperoleh.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan agihan daging kerbau tersebut kepada para penerima ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Sebanyak dua ekor kerbau telah dikorbankan, di mana daging-dagingnya diagih-agihkan kepada para penerima yang terdiri daripada orang-orang yang memerlukan. Daging berkenaan hasil dari sumbangan daripada 54 Ahli-ahli PKWE Tutong yang menyertai projek berkenaan.

Antara lain tujuan majlis diadakan bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli PKWE Tutong untuk menyalurkan sumbangan sedekah secara berkumpulan.

Di samping itu, projek tersebut adalah salah satu platform ke arah pemedulian masyarakat dan sekali gus sebagai amal jariah di PKWE Tutong untuk memberi sumbangan khidmat yang termampu.

# Waktu perkhidmatan TAP sepanjang Ramadan

**Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kaunter perkhidmatan di semua cawangan dan Pusat Panggilan TAP akan ditutup pada hari kelepasan awam tertakluk kepada hasil penglihatan Anak Bulan Ramadan 1447 Hijrah.

Jika 1 Ramadan jatuh pada Rabu, 18 Februari 2026, kaunter perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP akan kembali beroperasi pada Khamis, 19 Februari 2026.

Manakala Jika 1 Ramadan jatuh pada Khamis, 19 Februari 2026, kaunter perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP akan kembali beroperasi pada Jumaat, 20 Februari 2026.

Sementara itu, waktu operasi perkhidmatan TAP di sepanjang bulan Ramadan bagi tahun 1447H ialah Isnin hingga Khamis bermula jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang dan Jumaat bermula 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Manakala Sabtu (Cawangan Ibu Pejabat PGGMB sahaja) bermula 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Perkhidmatan dalam talian TAP e-Amanah dan kiosk e-Info TAP akan terus beroperasi seperti biasa.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 272 2929 atau melalui e-mel *ask@tap.com.bn* semasa waktu bekerja.

Bagi mengetahui perkembangan terkini, ikuti laman media sosial TAP melalui Facebook atau *@TAP_Brunei* di Instagram.

# Projek Fathul Barakah 7.0 meneruskan lagi penyerahan sumbangan

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**





**PROJEK Fathul Barakah 7.0 merupakan usaha Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baharu bagi menyumbang infak jariah berupa keperluan asasi kepada asnaf mualaf yang memerlukan (kiri dan kiri sekali).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Kebajikan mualaf di negara ini terus diberi perhatian oleh pelbagai pihak berkepentingan terutamanya Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sehubungan itu, dalam usaha meneruskan tanggungjawab menjaga kebajikan para mualaf di negara ini, PDI melalui Projek Fathul Barakah 7.0 meneruskan lagi penyerahan bantuan berupa keperluan harian kepada 10 buah keluarga mualaf di Kampung Bengkurong, Kampung Sinarubai, Kampung Masin, Kampung Mulaut dan Kampung Tanjong Nangka, pagi tadi.

Hadir selaku ketua rombongan dan seterusnya menyempurnakan penyerahan Projek Fathul Barakah 7.0 ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut.

Turut hadir menyertai rombongan berkenaan ialah Ketua Kampung Bengkurong, Awang Haji Talib bin Haji Bakar; Ketua Bahagian Pembangunan Mualaf, PDI, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin dan Yang Dipertua Persatuan Nurul Islam, Awang Haji Mohd. Hazwan bin Abdullah.

Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan usaha KHEU melalui PDI dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baharu, Negara Brunei Darussalam.

Projek ini bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai dalam sama-sama menyumbang infak jariah berupa keperluan asasi kepada asnaf mualaf yang memerlukan sebelum tibanya bulan Ramadan 1447 Hijrah.

Melalui bantuan ini, para mualaf diharapkan dapat melaksanakan ibadah puasa dengan lebih selesa di samping menjalani kehidupan seharian mereka.

Selain itu, projek ini juga merupakan tanda keprihatinan PDI terhadap mualaf yang memerlukan bantuan. Dalam masa yang sama, ia menjadi salah satu metode dakwah kepada mereka yang bukan beragama Islam, sekali gus memperlihatkan keprihatinan berterusan PDI terhadap kebajikan golongan mualaf.



# Menjalani Ramadan dengan kesyukuran

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

**RAMADAN** itu adalah bulan yang tertinggi darjat dan martabatnya di sisi Islam. Pada bulan inilah Allah memfardukan puasa ke atas kaum Muslimin dan dicatatkan sebagai kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dengan tafsirnya : "*Wahai orang-orang yang beriman telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa, sebagaimana telah diwajibkan ke atas umat sebelum kamu, moga-moga kamu bertakwa*". (Al-Baqarah : 183).

Di bulan Ramadan juga, Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan kitab suci Al-Quran dan dipilih di antara malamnya suatu malam yang dinamakan Lailatulqadar yang lebih utama daripada seribu bulan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dengan tafsirnya : "*Di dalam bulan Ramadan itulah diturunkan Al-Quran yang menjadi petunjuk bagi manusia…*" (Al-Baqarah : 185).

Inilah salah satu keistimewaan terbesar Ramadan iaitu Lailatulqadar, malam yang disebut lebih baik daripada seribu bulan. Namun yang sering kita lupa bahawa Lailatulqadar bukan sekadar malam yang dicari kerana nilai pahala, melainkan malam yang menggambarkan bagaimana Allah memberi peluang besar kepada manusia yang ingin kembali memperbaiki hidupnya.

### Kelebihan Ramadan

Mengenai kelebihan bulan Ramadan, terdapat banyak hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang membincangkan tentangnya. Antaranya : "*Bulan Ramadan adalah bulan keampunan. Apabila seseorang hamba berpuasa pada permulaan bulan Ramadan, maka Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa-dosanya hingga akhir bulan tersebut hingga ke Ramadan berikutnya. Bagi hamba tersebut, dibina mahligai yang indah di dalam syurga, pintunya diperbuat dari emas bagi setiap hari dia berpuasa dan 70,000 malaikat memohon keampunan untuknya dari pagi hingga tenggelam matahari*".

Bulan Ramadan dikenali dengan 'bulan kesabaran'. Ini kerana pada amalan berpuasa pada bulan ini menuntut kita bersabar menahan diri dari melakukan segala perbuatan yang boleh membatalkan puasa dan perkara yang membawa kepada kurangnya pahala puasanya.

Ramadan adalah bulan yang digandakan segala amal kebaikan. Allah Subhanahu Wata'ala menggandakan ganjaran amalan berpuasa melebihi amalan-amalan yang lain. Maka berpuasa di bulan Ramadan sudah tentu menjanjikan ganjaran yang berlipat kali ganda berbanding puasa pada bulan lain. Inilah antara kesan kemuliaan bulan Ramadan dan puasa Ramadan yang difardukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke atas hamba-hamba-Nya.

### Keutamaan sedekah pada bulan Ramadan

Bulan Ramadan bulan yang sangat mulia. Pada bulan Ramadan, kita dianjurkan meningkatkan ibadah serta memperbanyak kebaikan. Tak terkecuali pada bulan Ramadan umat Islam dianjurkan untuk memperbanyak bersedekah. Bersedekah di bulan Ramadan memiliki keagungan yang luar biasa dibandingkan di bulan-bulan yang lain. Ini kerana bersedekah merupakan amal kebaikan yang penuh dengan keagungan dan keutamaan. Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan pahala yang berlipat ganda pada hamba-Nya yang bersedekah.

Sayyidina Anas meriwayatkan sebuah hadis tentang keutamaan bersedekah pada bulan Ramadan : Artinya, dari Anas dikatakan, "*Wahai Rasulullah, sedekah apa yang nilainya paling utama?, Rasul menjawab, "Sedekah di bulan Ramadan*". (Hadis Riwayat At-Tirmidzi).

Kita digalakkan agar bersikap dermawan kepada sesama pada bulan Ramadan ini lebih-lebih lagi bulan Ramadan merupakan bulan mulia.



### Jaga kesihatan

Pada bulan Ramadan, kesihatan fizikal dan mental juga perlu diambil kira. Jadual kerja yang lebih singkat dapat membantu pekerja mengurangkan tekanan dan keletihan. Mereka juga akan mendapat rehat yang cukup sebelum berbuka. Dan apa yang lebih penting, mereka mempunyai lebih masa untuk aktiviti spiritual seperti solat dan tadarus Al-Quran.

Pastikan awda bersahur dengan makanan sihat kerana makanan yang kaya dengan serat dan protein dapat memberi tenaga lebih lama. Momen menjelang berbuka sering menjadi waktu yang paling tepat untuk berdoa. Pada saat itu, seseorang berada dalam keadaan menahan diri seharian dan sedang menunggu rezeki yang Allah izinkan ketika masuk waktu bersungkai. Pada tahap tersebut, banyak orang merasakan ketenangan yang tidak muncul pada hari biasa, sehingga doa yang dirafakkan terasa lebih khusyuk.

Elakkan tidur lewat supaya tenaga kekal sepanjang hari apatah lagi kita perlu bangun untuk bersahur. Justeru tidur yang mencukupi serta berkualiti akan menjadikan kesihatan kita lebih baik.

### Memperlahankan aktiviti harian

Bulan Ramadan membawa banyak perubahan dalam kehidupan harian, termasuk jadual kerja yang berbeza. Di negara ini, penjawat awam / pekerja mendapat waktu kerja yang lebih fleksibel atau dipendekkan bagi menghormati mereka yang berpuasa.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kemaslahatan rakyat baginda sentiasa menjadi perhatian lebih-lebih lagi bila tiba bulan Ramadan. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi waktu kerja yang lebih pendek untuk penjawat awam sepanjang bulan Ramadan. Bagi pekerja swasta pula, perubahan waktu kerja bergantung kepada dasar syarikat.

### Kelebihan waktu kerja yang fleksibel semasa bulan Ramadan

Apabila waktu kerja lebih pendek atau fleksibel, penjawat awam atau pekerja dapat meningkatkan produktiviti kerana mereka dapat menggunakan tenaga mereka dengan lebih efektif selain mengelakkan keletihan melampau akibat kurang tidur.

Bekerja pada bulan puasa memerlukan kita untuk merancang dengan baik supaya kekal produktif. Antaranya perlu merancang tugas lebih awal dengan memfokuskan pada tugasan yang penting pada waktu pagi ketika masih segar dan bertenaga.

Jam kerja bulan puasa bukan hanya tentang mengurangkan waktu kerja, tetapi juga tentang kesejahteraan pekerja dan keseimbangan antara kerja dan kehidupan. Majikan yang mengambil kira keperluan pekerja Muslim akan mendapat tenaga kerja yang lebih produktif dan bersemangat.

Memang banyak perkara yang perlu diambil kira apabila memperkatakan mengenai bulan Ramadan. Tetapi inilah yang sering menggamit hati dan perasaan kita untuk terus melakukan amal ibadah pada bulan yang mulia ini untuk meraih pahala sebanyaknya lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan diturunkan satu malam yang sentiasa menjadi impian semua orang Islam untuk menemuinya iaitu Malam Lailatulqadar. Jadi hargailah dan bersyukur kerana kita masih diberi kesempatan beramal ibadah pada bulan Ramadan ini.

# Tahun Baharu Cina raikan kepelbagaian, hormat menghormati, simbol perpaduan masyarakat




**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**
**Foto : Ihsan Jackson Ting, Lim Han Chiong, Vincent Pao**

**SAMBUTAN** Tahun Baharu Cina 2026 disambut dengan penuh kemeriahan oleh sebahagian masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam semangat kekeluargaan dan perpaduan serta terus memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian yang menjadi tunjang kekuatan masyarakat di negara kita. Kalendar Cina terbahagi kepada kitaran 12 tahun dengan setiap tahun dinamakan sempena satu nama haiwan. Tahun Baharu Cina kali ini merupakan Tahun Kuda.

Sudah menjadi kemestian apabila tibanya Tahun Baharu Cina orang ramai tanpa mengira bangsa akan sama-sama terlibat dalam perayaan ini secara tidak langsung dengan menyaksikan tarian singa sebagai satu acara wajib untuk kaum Cina yang sudah menjadi identiti setiap kali tibanya Tahun Baharu Cina apabila ia berjaya menarik minat masyarakat di negara kita.

Sambutan Tahun Baharu Cina pada tahun ini yang bakal disambut masyarakat keturunan Cina yang merupakan Tahun Kuda adalah masa yang sesuai untuk menjadi asas mengeratkan perpaduan kaum bagi bangsa Tionghua di negara ini.

Pengarah Urusan D'Sunlit Sdn. Bhd., Awang Jackson Ting dalam temu bual bersama beliau menjelaskan Tahun Baharu Cina di NBD lebih daripada sekadar perayaan bagi masyarakat Cina; ia menjadi satu peristiwa yang bermakna yang mencerminkan keharmonian dan rasa saling menghormati antara masyarakat berbilang budaya kita.

Bagi Awang Jackson lagi sambutan ini mencerminkan semangat keharmonian yang kuat, saling menghormati dan menghargai budaya yang wujud dalam masyarakat berbilang budaya di NBD dan melihat pelbagai masyarakat menyertai perayaan ini menonjolkan bagaimana tradisi budaya dikongsi dan dihormati, menyumbang kepada perpaduan dan persefahaman sosial.

"Secara keseluruhan, Sambutan Tahun Baharu Cina di NBD mempamerkan bagaimana tradisi dapat dipelihara sambil memupuk perpaduan nasional dan keharmonian sosial," tambah beliau.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Cina Brunei dan merupakan Pendaftar Perkahwinan Cina (Registrar of Chinese Marriage), Awang Lim Han Chiong menjelaskan menjelang atau semasa tahun baharu itu, ahli keluarga dan saudara terdekat selalunya akan berkumpul dengan kebanyakannya mengadakan makan besar beramai-ramai.

Tambah Awang Lim Han Chiong berkata golongan muda pula akan melawat golongan tua dengan *hongbao* sampul merah berisi wang bagi melambangkan nasib yang baik diberikan oleh mereka yang sudah berkeluarga kepada mereka yang masih belum berkahwin.

Tahun Baharu Cina ini menurutnya pula bukan sahaja disambut penduduk Cina di negara ini dengan penuh keharmonian tetapi kita dapat saling mengenal dan memahami kerana jika kita saling menghormati maka kita akan dapat mengelakkan daripada berlakunya perselisihan yang boleh menggugat tali persahabatan kita sesama pelbagai bangsa.

Tambahnya lagi, setiap tahun tibanya Tahun Baharu Cina apa yang istimewanya dan menjadi kenangan kita apabila ia juga turut dimeriahkan dengan keberangkatan kerabat diraja ke majlis rumah terbuka dan beberapa orang pembesar negara dan ahli perniagaan ternama.

"Sama seperti bila tibanya Hari Raya Aidilfitri kita juga akan turut mengucapkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada rakan-rakan kita yang beragama Islam, begitu juga kita yang berbangsa Cina, kita akan memberi ucapan seperti 'Gong Xi Fa Cai' yang bermakna Tahniah, semoga mendapat lebih banyak kekayaan kepada yang menyambut Tahun Baharu Cina. "Lazimnya mereka berasa gembira apabila menerima ucapan tersebut, dan selalunya akan membalas ucapan tersebut kepada si pemberi ucapan," ujar Lim Han Chiong.

Sementara Pengarah Urusan Concepts Computer, Awang Vincent Pao dan isteri Dayang Alice Chan pula menjelaskan sudah menjadi tradisi Sambutan Tahun Baharu Cina diserikan dengan rumah-rumah terbuka bagi mengalu-alukan keluarga serta sahabat handai tak kira apa jua bangsa namun pada tahun ini istimewanya Tahun Baharu Cina jatuh pada bulan Ramadan.

"Walaupun Tahun Baharu Cina diraikan di bulan Ramadan namun ia tidak menghalang untuk kami meraikannya kerana ini juga peluang untuk kami meraikan hari terbuka Tahun Baharu Cina dan Majlis Berbuka Puasa meraikan teman-teman, kakitangan dan juga pelanggan kami yang beragama Islam dan di sinilah letaknya keharmonian dan perpaduan yang menjadi kekuatan utama kita dan Tahun Baharu Cina menjadi simbol bagaimana kepelbagaian budaya dapat diraikan bersama dengan penuh rasa hormat dan kasih sayang," tambah Awang Vincent Pao dan isteri.

Jelasnya lagi kehadiran pelbagai kaum yang bersama-sama menyambut perayaan seperti ini bukan sahaja mencerminkan perpaduan malah menunjukkan bahawa kita boleh bekerjasama dan hidup harmoni walaupun berbeza budaya dan agama.

"Selamat Tahun Baharu Cina kepada seluruh masyarakat Tionghua di seluruh negara ini dan semoga perayaan ini membawa kebahagiaan, kesihatan dan kemakmuran kepada semua," jelasnya.





# 2 PELAJAR UNISSA HARUMKAN NAMA NEGARA




Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**AWANG Mohammad Hamiz Mirza bin Haji Sudirman dan Awang Mohammad Aqinul Aiman bin Abu Bakar dari UNISSA berjaya memenangi tempat pertama dan keempat - dalam kategori berbeza - di majlis tilawah dan hafazan Al-Quran di Terengganu, Malaysia baru-baru ini.**

**TERENGGANU**, Isnin, 16 Februari. - Dua pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengharumkan nama negara apabila berjaya mencatat pencapaian membanggakan dalam Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ASEAN 2025/2026 yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia, kelmarin.

Musabaqah tersebut berlangsung selama empat hari bermula 12 hingga 15 Februari 2026 yang menghimpunkan para peserta terbaik dari institusi pengajian tinggi negara-negara ASEAN.

Awang Mohammad Hamiz Mirza bin Haji Sudirman dari Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam muncul sebagai Johan Kategori Tilawah Al-Quran (Lelaki), manakala Awang Mohammad Aqinul Aiman bin Abu Bakar dari Fakulti Bahasa Arab berjaya meraih tempat keempat bagi Kategori Hafazan Al-Quran 1-30 Juzuk (Lelaki).

Kedua-dua pelajar berlepas ke Malaysia pada 11 Februari lalu yang turut diiringi oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan selaku pegawai pengiring.

Penyertaan dan pencapaian ini mencerminkan komitmen UNISSA dalam memperkukuh budaya bacaan dan hafazan Al-Quran dalam kalangan pelajar, selaras dengan hasrat melahirkan generasi huffaz dan qari yang cemerlang, berkualiti tinggi serta mampu mewakilinegara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kejayaan ini sekali gus mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam dan membuktikan keupayaan pelajar UNISSA untuk bersaing secara kompetitif di peringkat ASEAN.




# MINDA PEMBACA

## Kesan pelaburan asing terhadap ekonomi tempatan

DALAM era globalisasi ini, pelaburan asing memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi Brunei Darussalam. Sebagai sebuah negara yang sedang berusaha untuk mempelbagaikan ekonominya melampaui sektor minyak dan gas, kemasukan modal dan kepakaran asing membawa kesan yang pelbagai terhadap ekonomi tempatan.

Dari aspek positif, pelaburan asing menjadi pemangkin utama kepada pemindahan teknologi dan pengetahuan. Syarikat antarabangsa yang melabur dalam sektor-sektor seperti teknologi maklumat, perkhidmatan kewangan atau pembuatan canggih sering membawa amalan terbaik dan inovasi yang meningkatkan produktiviti tenaga kerja tempatan. Selain itu, ia membuka peluang pekerjaan baharu dan mengurangkan kadar pengangguran, khususnya dalam kalangan belia yang mahir. Pelaburan asing juga merangsang pertumbuhan industri sokongan tempatan, di mana perniagaan kecil dan sederhana mendapat peluang sebagai pembekal perkhidmatan atau bahan.

Namun, terdapat juga cabaran yang perlu ditangani. Dominasi syarikat besar asing dalam pasaran tempatan berpotensi menyebabkan persaingan tidak seimbang, yang boleh menjejaskan *survival* perniagaan kecil dan sederhana tempatan jika tiada perlindungan dan pembangunan keupayaan yang secukupnya. Selain itu, terdapat risiko 'pembocoran' ekonomi di mana sebahagian besar keuntungan dibawa keluar negara, mengurangkan manfaat yang tinggal dalam ekonomi tempatan.

Bagi Brunei Darussalam, kunci untuk memaksimumkan manfaat pelaburan asing terletak pada kerangka peraturan yang bijak. Kerajaan perlu mengukuhkan polisi yang menggalakkan perkongsian strategik antara pelabur asing dan syarikat tempatan serta melaksanakan keperluan pemindahan teknologi dan latihan tenaga kerja tempatan. Dengan pendekatan yang seimbang, pelaburan asing dapat menjadi jambatan kukuh bagi negara mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, membina ekonomi yang lebih berdaya tahan, inovatif dan memberi peluang kepada rakyatnya.

**Nama: Siti Nurhayati Munirah binti Haji Wahid**
**IC: 01-113XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'.** Tarikh Tutup **: 18 Februari 2026**
2.**'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'.** Tarikh Tutup **: 25 Februari 2026**
3.**'Memperkasa Budaya Membaca'.** Tarikh Tutup **: 4 Mac 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menanggi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# 16 PESERTA SSEAYP 49 KEMBALI KE TANAH AIR




**PENGARAH Belia dan Sukan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan delegasi SSEAYP 49 Negara Brunei Darussalam.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Selasa, 17 Februari. - Seramai 16 orang belia dan seorang Ketua Delegasi (National Leader) Negara Brunei Darussalam (NBD) kembali ke tanah air selepas menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-49 (SSEAYP 49) bermula pada 15 Januari 2026 yang lalu di Tokyo, Jepun.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan.

Edisi kali ini, delegasi NBD terdiri daripada Penolong Penyelia Pusat Belia, Awang Ibrahim bin Haji Sabli, selaku Ketua Delegasi (National Leader), bersama lapan orang lelaki dan lapan orang perempuan berumur antara 18 hingga 30 tahun, diketuai oleh seorang Ketua Belia, Awang Muhammad Irham bin Awang Roslan dan seorang Penolong Ketua Belia, Dayang Berlyanna Indah Yordhana binti Jefry.

Program yang berlangsung selama 35 hari bermula dari Tokyo, Jepun tersebut belayar menggunakan kapal Nippon Maru menuju ke Republik Singapura dan berakhir di Thailand.

Peserta program telah mengikuti pelbagai aktiviti yang disusun oleh negara-negara disinggahi seperti perbincangan tajuk-tajuk utama yang diberikan, pertukaran budaya, sesi aktiviti selepas program, kunjung hormat, lawatan sambil belajar, interaksi bersama belia tempatan dan sebagainya.

Antara yang menarik ialah program *homestay* di mana para peserta tinggal bersama keluarga angkat dan mengetahui secara lebih dekat akan gaya hidup serta budaya termasuk makanan yang popular di negara-negara tersebut.

Diharap para peserta beroleh ilmu, kemahiran dan pengalaman yang berguna serta boleh menjadi inspirasi kepada para belia yang lain di samping dapat mempromosikan dan mengangkat nama baik NBD selaku Young Ambassador di dalam program tersebut.

Semua peserta program kali ini akan dipantau bagi melaksanakan kesinambungan program yang disertai sepanjang penyertaan mereka SSEAYP49 sebagai sumbangan mereka kepada pembangunan belia di negara ini.

# Jabatan Perikanan laksanakan siri pemantauan, pemeriksaan




**BEBERAPA siri pemantauan dan pemeriksaan ke atas pasar-pasar ikan, premis-premis perniagaan termasuk pasar raya dan restoran telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan bagi memastikan udang bakara dan ketam yang dijual di negara ini adalah terkawal dan menurut ukuran yang dibenarkan.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perikanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Februari. - Susulan daripada penguatkuasaan ke atas pengawalan penangkapan dan pengimportan udang bakara dan ketam bersaiz kecil serta bertelur mulai 1 Januari 2026, Jabatan Perikanan telah melaksanakan beberapa siri pemantauan dan pemeriksaan ke atas pasar-pasar ikan, premis-premis perniagaan termasuk pasar raya dan restoran, serta di Pos Kawalan Sementara Labu Daerah Temburong.

Tujuan pemeriksaan berkenaan dijalankan adalah bagi memastikan udang bakara dan ketam yang dijual di negara ini adalah terkawal dan menurut ukuran yang dibenarkan.

Hasil dari pemeriksaan yang dijalankan sepanjang bulan Januari 2026, Jabatan Perikanan mendapati dua buah restoran menjual ketam bersaiz kecil dan tindakan lanjut telah diambil.

Sehubungan dengan itu, para peniaga adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan serta memastikan ukuran ketam-ketam dan juga udang bakara yang dijual adalah berpatutan iaitu melebihi lebar badan (*carapace*) 11.5 sentimeter (cm) bagi ketam dan melebihi panjang kepala (*carapace*) 7.5cm bagi udang bakara, serta tidak bertelur.

Selain itu, turut diingatkan bahawa sebarang aktiviti penangkapan dan pengimportan udang bakara dan ketam tanpa lesen atau yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan denda kompaun atau didakwa di mahkamah.

Untuk makluman orang ramai, Jabatan Perikanan telah pun mengemaskini senarai spesies ikan yang dikawal daripada diimport bagi tujuan perniagaan. Orang ramai bolehlah merujuk laman sesawang rasmi di *www.fisheries.gov.bn* dan media-media sosial Jabatan Perikanan bagi maklumat lanjut mengenainya.

Jabatan Perikanan akan terus memperkukuhkan usaha penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang bagi memastikan aktiviti penjualan ketam dan udang bakara dilaksanakan selaras dengan peruntukan perundangan yang berkuatkuasa.

Orang ramai serta pengusaha sektor perikanan adalah diingatkan supaya mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan di bawah undang-undang perikanan, serta menjalankan aktiviti penjualan spesies berkenaan secara bertanggungjawab, sebagai komitmen bersama dalam memulihara kelestarian sumber perikanan negara.

# ALAI PINTAR

SOALAN 167

## SOALAN 18 FEBRUARI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Apakah perbuatan yang perlu dielakkan di sekolah?
   a) Menolong kawan
   b) Menghormati guru
   c) Bergaduh
2. Pilih perkataan yang sama maksud dengan perkataan 'pantas'.
   a) Laju
   b) Perlahan
   c) Tinggi
3. 2 liter bersamaan dengan?
   a) 2,000ml
   b) 2ml
   c) 200ml

**TARIKH TUTUP : 28 FEBRUARI 2026**

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..................................................
Tarikh Lahir : ..................................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..................................................
Sekolah : ..................................................
Tahun : ..................................................
Alamat : ..................................................
..................................................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..................................................

## PEMENANG ALAI PINTAR 166 :

Nama : Nur Aiman Mikayla Amanda binti Haji Rosman
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0141888. Sekolah : Sekolah Rendah Lamunin

Nama : Sarah Jesmine binti Eswan Dandian
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 5157-09. Sekolah : St. Margaret's Seria

Nama : Aisyah Arissa binti Abd' Hafiz
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 049-02. Sekolah : Stella's School Brunei

## JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 665

1. A – 100
2. A – Ikan
3. A – 2 rakaat

BERITA GLOBAL

# LANGIT CERAH, CUACA LEBIH PANAS DI KEBANYAKAN BAHAGIAN REPUBLIK RAKYAT CHINA




**Gambar dron udara diambil pada 3 Januari 2026 menunjukkan orang ramai di taman bertemakan ais dan salji di Daerah Zhaosu, wilayah Autonomi Ili Kazak, wilayah Autonomi Xinjiang Uygur di barat laut Republik Rakyat China.**

**BEIJING**, 17 Feb. - Pihak Berkuasa Meteorologi Republik Rakyat China memaklumkan pada Selasa bahawa cuaca di kebanyakan bahagian negara dijangka kekal cerah dalam tempoh tiga hari akan datang, dengan suhu dijangka meningkat.

Walau bagaimanapun, sebahagian wilayah Autonomi Uygur Xinjiang dan wilayah Gansu, kedua-duanya di barat laut Republik Rakyat China, dan wilayah Autonomi Mongolia Dalam, di utara Republik Rakyat China, serta bahagian tengah dan utara timur laut Republik Rakyat China, akan mengalami salji ringan hingga sederhana atau hujan batu dalam tempoh ini.

Sesetengah kawasan di rantau ini mungkin mengalami keadaan ribut salji, menurut Pusat Meteorologi Kebangsaan.

Sementara itu, hujan ringan hingga sederhana diramalkan untuk selatan Republik Rakyat China.

Pihak berkuasa menasihatkan orang ramai untuk berpakaian sewajarnya untuk suhu yang turun naik dalam beberapa hari akan datang. Di rantau seperti Xinjiang dan Mongolia Dalam, yang dijangka mengalami keadaan bersalji atau berais, pelancong harus berhati-hati di jalan raya yang licin. - ©XINHUA

# Pekerja penjagaan komuniti Republik Singapura akan terima kenaikan gaji baharu

**REPUBLIK SINGAPURA**, 17 Feb. - Republik Singapura akan mengeluarkan garis panduan gaji terkini bagi pekerja Organisasi Penjagaan Komuniti (CCO), melibatkan kenaikan sebanyak tujuh peratus atau lebih dalam jumlah imbuhan tahunan bagi 23,000 kakitangan, menurut Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan dan Menteri Penyelaras bagi Dasar Sosial, Ong Ye Kung, berkata bagi membantu menampung kos gaji lebih tinggi untuk CCO, kerajaan akan mengeluarkan *tranche* pertama bantuan sekitar S$100 juta.

"Kami juga meningkatkan subsidi bagi penjagaan jangka panjang yang secara asasnya merupakan perkhidmatan yang dilakukan oleh CCO, termasuk rumah penjagaan, Pusat Penjagaan Warga Emas (SCC), serta Penjagaan Peribadi di Rumah (HPC).

"Kami juga meningkatkan subsidi untuk perkhidmatan ini bagi rakyat Republik Singapura, dan ia akan berkuat kuasa pada Julai tahun ini," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Ong memaklumkan bahawa butiran mengenai garis panduan gaji akan dikeluarkan dalam beberapa bulan akan datang dan dijangka sedia untuk dilaksanakan menjelang akhir tahun ini, atau awal tahun depan.

"Saya berharap dengan langkah ini, kita terus menjadikan bidang kesihatan sebagai kerjaya menarik di setiap bahagian sistem penjagaan kesihatan - sama ada di hospital akut, pesakit luar atau dalam persekitaran penjagaan komuniti," tambahnya. - ©BERNAMA

# Loji nuklear TEPCO bekalkan elektrik buat kali pertama dalam 14 tahun

**TOKYO**, 16 Feb. - Sebuah reaktor di loji kuasa nuklear Kashiwazaki-Kariwa memulakan penjanaan dan penghantaran tenaga elektrik secara percubaan pada Isnin ketika Tokyo Electric Power Company Holdings Inc. (TEPCO) bersiap sedia menyambung semula bekalan tenaga nuklear buat kali pertama dalam tempoh 14 tahun, lapor Kyodo News.

TEPCO yang masih bergelut dengan kesan kemalangan nuklear Fukushima pada 2011 merancang memulakan penghantaran elektrik sepenuhnya dari Unit No. 6 di loji tujuh reaktor di Wilayah Niigata itu pada 18 Mac ini. Kompleks itu terletak kira-kira 220 kilometer di barat laut Tokyo.

Reaktor No. 6 pada akhir Januari menjadi reaktor pertama TEPCO yang diaktifkan semula sejak kejadian leburan teras di kompleks nuklear Fukushima Daiichi susulan gempa bumi besar dan tsunami pada 11 Mac 2011. Unit itu akan membekalkan elektrik ke Tokyo dan kawasan sekitarnya.

TEPCO memulakan operasi turbin yang digerakkan oleh wap yang dihasilkan daripada haba reaktor pada 7.10 malam Ahad dan mengesahkan tiada sebarang keabnormalan. Ia kemudian mula menyalurkan elektrik pada 2.55 pagi Isnin.

Kali terakhir elektrik dihantar dari Unit No. 6 ialah pada akhir Mac 2012 sebelum ia ditutup bagi pemeriksaan berkala.

Sementara itu, sebuah lagi reaktor di loji kuasa nuklear itu juga dijangka diaktifkan semula selepas kelulusan diperoleh daripada badan pemantau nuklear Jepun. - ©BERNAMA

# Trump : Ahli Lembaga Keamanan ikrar lebih US$5 bilion untuk Gaza

**WASHINGTON**, 16 Feb. - Ahli-ahli Lembaga Keamanan telah mengikrarkan lebih US$5 bilion untuk usaha kemanusiaan dan pembinaan semula di Semenanjung Gaza, kata Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Ahad menjelang mesyuarat pertama badan itu minggu depan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mereka juga telah memberi komitmen untuk menugaskan ribuan anggota dalam Pasukan Penstabilan Antarabangsa bagi menyokong polis tempatan di Gaza, tulis beliau di Truth Social.

Lembaga Keamanan yang mencetuskan kontroversi itu - hasil cetusan idea Trump - dijadual bermesyuarat buat kali pertama pada Khamis ini di Washington. Trump menubuhkan Lembaga Keamanan sebagai sebahagian daripada pelan damai susulan konflik dua tahun antara Israel dan kumpulan Palestin Hamas.

Badan itu ditubuhkan bagi menyelia pembinaan semula dan keselamatan di Semenanjung Gaza. Sebuah jawatankuasa eksekutif akan melaksanakan garis panduan strategiknya, manakala "Lembaga Eksekutif Gaza" berperanan menyokong secara langsung pentadbiran peralihan Gaza yang terdiri daripada teknokrat Palestin yang bertanggungjawab mengawal selia kehidupan harian di wilayah berkenaan.

Semasa lawatannya baru-baru ini ke Washington, Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu telah menandatangani dokumen mengenai penyertaan Israel ke dalam Lembaga Keamanan. Menurut laporan media, Netanyahu tidak akan hadir pada mesyuarat pertama itu; sebaliknya Menteri Luarnya Gideon Saar akan mewakili Israel.

Penegasan Trump bahawa Lembaga Keamanan boleh digunakan untuk menangani krisis lain telah menimbulkan kebimbangan di beberapa negara, dengan pengkritik menyifatkan badan itu sebagai pesaing kepada Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu (PBB). - ©BERNAMA

# PM Wong seru rakyat Republik Singapura kekalkan keharmonian sempena TBC-Ramadan

**REPUBLIK SINGAPURA**, 16 Feb. - Perdana Menteri Republik Singapura Lawrence Wong menyeru seluruh rakyat Republik Singapura supaya terus menjunjung nilai keharmonian sempena sambutan perayaan yang bakal menjelang.

Bercakap dalam perutusan video sempena Tahun Baharu Cina, Wong berkata sambutan tahun ini amat bermakna kepada negara itu memandangkan masyarakat Islam juga akan mula menyambut ketibaan Ramadan.

"Pertemuan dua sambutan ini mengingatkan kita akan keindahan masyarakat berbilang budaya di Singapura.

"Keharmonian ini tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya ia dibina merentas generasi menerusi rasa saling menghormati, kepercayaan dan persefahaman," katanya dalam video yang dimuat naik di laman Facebook rasminya pada Isnin.

Tahun Baharu Cina bagi tahun ini jatuh pada 17 Februari, manakala umat Islam dijangka mula berpuasa pada 19 Februari ini.

Menurut Wong, kerajaan juga sedang berusaha memberi jaminan lebih besar kepada keluarga menerusi inisiatif yang digariskan dalam Belanjawan 2026 yang menjadi keutamaan utama serta asas kepada masyarakat.

"Dalam belanjawan tahun ini, kami mengambil langkah lanjut, daripada baucar CDC (Majlis Pembangunan Masyarakat) untuk setiap isi rumah kepada kredit tambahan bagi setiap kanak-kanak serta lebih banyak sokongan persaraan bagi warga emas.

"Apabila kita menjaga keluarga, kita mengukuhkan ikatan yang menyatukan masyarakat. Kita juga perlu memperluaskan keprihatinan ini kepada komuniti kita," tambahnya. - ©BERNAMA

# Republik Turkiye bakal perkenal peraturan baharu media sosial lindungi kanak-kanak

**ISTANBUL**, 16 Feb. - Republik Turkiye sedang bersiap sedia untuk memperkenalkan peraturan baharu bagi melindungi kanak-kanak di platform media sosial, menurut Menteri Keluarga dan Perkhidmatan Sosial negara itu pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi.

Menerusi platform media sosial TurkiyeNSosyal, Mahinur Ozdemir Goktas berkata kerajaan hampir melaksanakan langkah berkenaan susulan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kesan rangsangan digital berterusan ke atas kanak-kanak.

"Sama seperti kebanyakan negara lain di seluruh dunia, kami sudah hampir untuk melaksanakan peraturan media sosial yang bertujuan melindungi kanak-kanak," katanya.

Goktas memberi amaran bahawa tempoh tumpuan manusia kini menurun kepada kira-kira lapan saat, satu trend yang menurut beliau lebih menjejaskan kanak-kanak berbanding orang dewasa.

Beliau berkata tempoh tumpuan kanak-kanak merosot sekurang-kurangnya 30 peratus dalam tempoh sedekad lalu, sekali gus menjejaskan konsentrasi, hubungan persahabatan dan prestasi akademik mereka.

Perubahan itu juga menjadikan proses pengajaran lebih sukar, katanya sambil menambah bahawa peraturan media sosial untuk kanak-kanak yang serupa sedang dibahaskan atau diperkenalkan di beberapa negara di seluruh dunia.

Beliau berkata Republik Turkiye sedang berusaha mewujudkan persekitaran internet yang lebih selamat untuk kanak-kanak dan menyeru ibu bapa serta guru menyokong usaha berkenaan. - ©BERNAMA

قليتا بروني
PELITA BRUNEI




ePaper Pelita Brunei

# SUPASTRIKAS FC JUARA YAKIN TRI-CUP INVITATIONAL CHALLENGE 2026

**SUPASTRIKAS FC menjuarai Kejohanan Yakin Tri-Cup Invitational Challenge 2025 dan seterusnya bergambar ramai pada kejohanan tersebut yang diadakan di Kompleks Sukan, Berakas.**



Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

**BERAKAS**, Isnin, 16 Februari. - Supastrikas FC muncul juara Kejohanan Yakin Tri-Cup Invitational Challenge 2026 selepas membenam PKT FT dengan jaringan 6 - 2 di Kompleks Sukan, Berakas.

Pasukan dari Daerah Tutong itu mengutip mata penuh selepas menumpaskan Panchor Murai FC pada perlawanan pembukaan dan tidak menghadapi masalah membelasah PKT FT untuk mengesahkan kejuaraan.

Panchor Murai FC berjaya muncul naib juara selepas menewaskan PKT FT yang akur dengan dua kekalahan.

"Saya mengucapkan syabas kepada pemain-pemain atas kejayaan ini walaupun pasukan kami buat pertama kali menyertai kejohanan elit (senior). Kejayaan ini sudah tentu menjadi nilai tambah serta suntikan semangat kepada para pemain bawah 18 tahun untuk terus berusaha meningkatkan prestasi masing-masing," jelas Pengurus Supastrikas FC, Awang Shahrul Azlan Haji Zain.

Beliau mengakui cabaran daripada pasukan lawan menghasilkan perlawanan yang berkualiti, di samping semangat juang yang tinggi serta tahap persaingan yang kompetitif.

"Kami berharap Yakin Sports akan terus menganjurkan lebih banyak kejohanan bola sepak pada masa akan datang dengan memperkenalkan format yang berbeza bagi memastikan kualiti kejohanan ini setanding dengan negara-negara luar," ujarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengerusi HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Kejohanan dua hari yang menguji tiga pasukan yang sedang meningkat itu merupakan anjuran Yakin Sports yang dihasratkan untuk membantu meningkatkan perkembangan bola sepak tanah air, di samping menyokong usaha tiga pasukan berkenaan dalam meningkatkan reputasi masing-masing sebagai persiapan awal sebelum menyertai mana-mana kejohanan di peringkat domestik dan luar negara.

# PMKK Daerah Temburong menang 2 – 1



**SESI bergambar ramai pada Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) bagi Tahun 2025 - 2026 yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Tutong.**

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

**TUTONG**, Isnin, 16 Februari. - Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) Daerah Temburong memperbaiki kedudukan selepas berjaya menewaskan Pasukan PMKK Daerah Tutong dengan jaringan 2-1 pada Kejohanan Liga Bola Sepak PMKK bagi Tahun 2025 - 2026 yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Pasukan PMKK Daerah Temburong kini berada di tangga kedua, sekalipun berkongsi kutipan 6 mata dengan Pasukan PMKK Daerah Belait yang mempunyai kelebihan jaringan.

Awang Md. Afnan Haji Gafor membuka jaringan seawal minit ke-4 dan Christopher anak Ambun menambah keselesaan buat Pasukan PMKK Daerah Temburong menerusi sentuhan gol pada minit ke-12 untuk kedudukan 2 - 0.

Pada babak kedua, Pasukan PMKK Daerah Tutong berjaya merapatkan jurang ketika perlawanan memasuki minit ke-48. Namun, kebangkitan skuad dari Tutong itu gagal menambah jaringan sehingga tamat perlawanan dan akur dengan kekalahan 1 – 2. Dengan keputusan itu, Pasukan PMKK Daerah Brunei dan Muara turun ke tangga ketiga, manakala Pasukan PMKK Daerah Tutong masih berada di corot liga.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn